



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**APLIKASI *MAQĀSID AL-SYARĪ'AH* TERHADAP PENTAFSIRAN
AYAT-AYAT HUKUM JENAYAH DALAM *TAFSIR AL-AZHAR*
KARANGAN HAMKA**

MOHD FAZALI BIN ABDUL MANAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (USULUDDIN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkembangan *maqāṣid al-syārī‘ah* dan pengaplikasianya terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dan ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran. Kajian ini juga untuk menganalisis *maqāṣid al-syārī‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah yang telah diaplikasi oleh HAMKA dalam *Tafsir al-Azhar*. Metodologi kajian ini adalah berbentuk analisis teks dan analisis kandungan. Manakala pendekatan induktif, deduktif dan komparatif digunakan untuk menganalisis data tersebut. Dapatkan kajian ini menunjukkan *maqāṣid al-syārī‘ah* telah diaplikasi oleh *mufassir* dalam karya tafsir ayat-ayat hukum. Kajian ini mendapati sebanyak 39 ayat hukum jenayah dalam Quran yang melibatkan hukum hudud dan hukum *qiṣāṣ*. Kajian ini juga mendapati bahawa HAMKA telah mengaplikasikan *maqāṣid al-syārī‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*. Kajian ini merumuskan bahawa pengaplikasian *maqāṣid al-syārī‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum wajar diberi tumpuan oleh *mufassir*. Ayat-ayat hukum pula dikumpul berdasarkan tema-tema bagi memudahkan umat Islam merujuk dan beramal dengannya. Implikasinya, kajian ini telah membangunkan satu metodologi tafsir tematik *maqāṣidi* dan ia boleh dijadikan sebagai satu kaedah pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum.





APPLICATION OF *MAQĀSID AL-SYARIĀH* TOWARDS THE INTERPRETATION OF CRIMINAL LAWS IN THE *TAFSIR AL-AZHAR* BY HAMKA

ABSTRACT

This study aimed to identify the progress of *maqāsid al-syari'ah* and the application of *maqāsid al-syari'ah* in the interpretation of criminal laws in the Quranic verses. This study also aimed to analyze *maqāsid al-syari'ah* in the interpretation of criminal laws in the Quran verses which were applied by HAMKA in *Tafsir al-Azhar*. This study used texts and contents analyses. Inductive, deductive and comparative methods were also used to analyze the data. The main result of this study showed that the *maqāsid al-syari'ah* was applied by *mufassir* in interpretation of the criminal laws in the Quran verses. The finding of this study also found 39 criminal laws in the Quran verses for *hudud* and *qisāṣ*. The study found that HAMKA has applied the *maqāsid al-syari'ah* in the interpretation of criminal laws in the Quran verses in *Tafsir al-Azhar*. This study concludes that the application of *maqāsid al-syari'ah* in the interpretation of law verses in the Quran should be emphasized by *mufassir*. The collection of criminal law verses is important to facilitate Muslims to refer and practice them. The implication is that the study has created a *maqāṣidī* thematic interpretation methodology and it can be used as a method to interpret law verses in the Quran.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Skop Kajian	18
1.8 Definisi Tajuk	21
1.9 Kajian Lepas (<i>Literature Review</i>)	28





1.10	Metodologi Kajian	39
1.11	Sistematika Penulisan	47
1.12	Kesimpulan	48

BAB 2 METODOLOGI PENTAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM DALAM *TAFSIR AL-AZHAR* KARANGAN HAMKA

2.1	Pendahuluan	50
2.2	Biografi HAMKA	51
2.3	Jasa HAMKA Terhadap Umat Islam di Alam Melayu	57
2.4	Sumbangan HAMKA Terhadap <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i>	58
2.5	Anugerah yang Diterima Oleh HAMKA	63
2.6	Pengenalan <i>Tafsir al-Azhar</i>	64
2.7	Metodologi Pentafsiran Ayat-ayat Hukum dalam <i>Tafsir al-Azhar</i>	67
2.8	Kesimpulan	88



BAB 3 PERKEMBANGAN *MAQĀṢID AL-SYARI‘AH* DAN CONTOH PENGAPLIKASINYA TERHADAP PENTAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM

3.1	Pendahuluan	90
3.2	Definisi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i>	91
3.3	Perkembangan <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i>	99
3.4	<i>Maqāṣid al-Qur’ān</i> dan Hubungannya dengan <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i>	107
3.5	Kepentingan <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> untuk Memahami <i>Nas</i>	110
3.6	<i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dan Ayat-Ayat Hukum	115
3.7	Ayat-Ayat Hukum Dalam Quran	121





3.8	Karya Tafsir Ayat-Ayat Hukum	131
3.9	Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Karya Tafsir Ayat Hukum	133
3.10	Kesimpulan	153

BAB 4 AYAT-AYAT HUKUM JENAYAH YANG TERDAPAT DI DALAM QURAN

4.1	Pendahuluan	155
4.2	Ayat-ayat Hukum Hudud	156
4.2.1	Ayat-ayat yang Berkaitan dengan Arak	156
4.2.2	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan Zina	165
4.2.3	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan <i>Qadhab</i> (Menuduh Berzina)	171
4.2.4	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan <i>Sariqah</i> (Mencuri)	176
4.2.5	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan <i>Hirābah</i> (Rompakan)	181
4.2.6	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan Murtad	189
4.2.7	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan <i>Bughah</i> (Penderhaka)	201
4.3	Ayat-Ayat yang Berkaitan dengan <i>Qiṣāṣ</i>	209
4.4	Kesimpulan	224



BAB 5 ANALISIS APLIKASI *MAQĀṢID AL-SYARI‘AH* TERHADAP PENTAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM JENAYAH DALAM *TAFSIR AL-AZHAR*

5.1	Pendahuluan	226
5.2	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> Terhadap Pentafsiran Ayat-Ayat Hukum Hudud	227





5.2.1	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat Arak	227
5.2.2	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat Zina	243
5.2.3	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat <i>Qadhaf</i> (Menuduh Berzina)	256
5.2.4	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat Hukum <i>Sariqah</i> (Mencuri)	263
5.2.5	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat <i>Hirābah</i> (Rompakan)	268
5.2.6	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat Hukum Murtad	273
5.2.7	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘ah</i> dalam Pentafsiran Ayat Hukum <i>Bughah</i> (Penderhaka)	297
5.4	Kesimpulan	325



BAB 6 KESIMPULAN DAN SARANAN

6.1	Pendahuluan	328
6.2	Kesimpulan	329
6.3	Saranan	336

RUJUKAN

341





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Ayat-ayat Hukum Jenayah dalam <i>Tafsir al-Azhar</i>	19
1.4 Ayat-Ayat Mengenai Arak	164
2.4 Ayat-Ayat Mengenai Zina	171
3.4 Ayat-Ayat Mengenai <i>Qadhf</i>	176
4.4 Ayat-Ayat Mengenai <i>Sariqah</i> (Mencuri)	181
5.4 Ayat Mengenai <i>Hirabah</i> (Rompakan)	189
6.4 Ayat Mengenai Murtad	200
7.4 Ayat Mengenai <i>Bughah</i> (Penderhaka)	208
8.4 Ayat-Ayat Mengenai <i>Qiṣāṣ</i>	222





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Metodologi Kajian	46
1.5 Kerangka analisis ayat 219 surah al-Baqarah	229
2.5 Kerangka analisis ayat 43 surah al-Nisa'	232
3.5 Kerangka analisis ayat 90 dan 91 surah al-Maidah	234
4.5 Kerangka analisis ayat 67 surah al-Nahl	240
5.5 Kerangka analisis ayat 32 surah al-Isra'	244
6.5 Kerangka analisis ayat 2 dan 3 surah al-Nur	249
7.5 Kerangka analisis ayat 68 surah al-Furqan	253
8.5 Kerangka analisis ayat 12 surah al-Mumtahinah	255
9.5 Kerangka analisis ayat 4 dan 5 surah al-Nur	257
10.5 Kerangka analisis ayat 23 surah al-Nur	262
11.5 Kerangka analisis ayat 38 dan 39 surah al-Maidah	264
12.5 Kerangka analisis ayat 33 dan 34 surah al-Maidah	270
13.5 Kerangka analisis ayat 109 surah al-Baqarah	275
14.5 Kerangka analisis ayat 217 surah al-Baqarah	278
15.5 Kerangka analisis ayat 86 surah Ali 'Imran	280
16.5 Kerangka analisis ayat 100 surah Ali 'Imran	283
17.5 Kerangka analisis ayat 137 surah al-Nisa'	285
18.5 Kerangka analisis ayat 54 surah al-Maidah	287
19.5 Kerangka analisis ayat 71 surah al-An'am	291





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

20.5	Kerangka analisis ayat 106 surah al-Nahl	294
21.5	Kerangka analisis ayat 25 surah Muhammad	296
22.5	Kerangka analisis ayat 9 surah al-Hujurat	298
23.5	Kerangka analisis ayat 178 dan 179 surah al-Baqarah	303
24.5	Kerangka analisis ayat 194 surah al-Baqarah	307
25.5	Kerangka analisis ayat 92 dan 93 surah al-Nisa'	310
26.5	Kerangka analisis ayat 32 surah al-Maidah	315
27.5	Kerangka analisis ayat 45 surah al-Maidah	318
28.5	Kerangka analisis ayat 33 surah al-Isra'	321



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

ADDIN	Alam Didikan Insan
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
a.s	<i>'Alayhi al-Salām</i>
c.	Cetakan
Dr.	Doktor
En.	Encik
et al.	Lebih dari seorang penulis
h.	Halaman
H	Hijrah
HAMKA	PustakaTBainun Haji Abd Malik Abd Karim Amrullah
Hamka	Haji Abd Malik Abd Karim Amrullah
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem:</i> rujukan sebelum
j.	Jilid
jz.	Juzuk
m.	Meninggal dunia
M	Masihi
MUI	Majlis Ulama Indonesia
<i>op. cit.</i>	<i>Opera citato:</i> rujukan bersilang
ORMAS	Organisasi Masyarakat
OKU	Orang kurang upaya
Prof.	Profesor





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

RA	<i>Raḍiya Allāh ‘Anhu</i>
SAW	<i>Salla Allāhu ‘Alayhi wa al-Sallam</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SWT	<i>Subḥānāhū wa Ta‘āla</i>
terj.	Terjemahan
t.t	Tanpa tarikh
T.T.P	Tanpa tempat penerbit
T.P	Tanpa penerbit
T.M	Tengku Mohammad
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>alif</i>	a / ’
ب	<i>bā'</i>	B
ت	<i>tā'</i>	T
ث	<i>thā'</i>	Th
ج	<i>jīm</i>	J
ح	<i>hā'</i>	H
خ	<i>khā'</i>	Kh
د	<i>dāl</i>	D
ذ	<i>dhāl</i>	Dh
ر	<i>rā'</i>	R
ز	<i>zay</i>	Z
س	<i>sīn</i>	S
ش	<i>syīn</i>	Sy
ص	<i>sād</i>	Ş
ض	<i>dād</i>	D
ط	<i>tā'</i>	T
ظ	<i>zā'</i>	Z
ع	<i>'ayn</i>	‘





غ	<i>ghayn</i>	Gh
ف	<i>fā'</i>	F
ق	<i>qāf'</i>	Q
ك	<i>kāf'</i>	K
ل	<i>lām</i>	L
م	<i>mīm</i>	M
ن	<i>nūn</i>	N
و	<i>waw</i>	W
ه	<i>hā'</i>	H
ي	<i>yā'</i>	Y
ة	<i>tā' marbūtah</i>	H



Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(<i>fathah</i>) أ	A
	(<i>dammah</i>) اُ	U
	(<i>kasrah</i>) إ	I
Panjang	اً	Ā
	اُّ	Ū
	إِ	Ī
Diftong	أُو	Aw
	أَيْ	Ay
	يِ	iy/ī
	وِ	Uww





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Maqāṣid al-syarī, ah wajar diaplikasikan oleh *mufassir* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah. Menerusi pengaplikasian *maqāṣid al-syarī, dh* tersebut, ayat-ayat hukum jenayah sebagai dasar undang-undang jenayah dalam Islam tidak dilihat kejam dan menyalimi penjenayah. Hal ini disebabkan penjelasan mengenai *maqāṣid al-syarī, ah* ketika menghuraikan ayat-ayat hukum jenayah boleh merungkaikan kekeliruan masyarakat terhadap perundangan Islam. Lebih menarik lagi apabila terdapat *mufassir* yang menjelaskan perkara tersebut dengan baik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar* karangan HAMKA. Keperluan kajian ini dijalankan dapat dilihat dalam bab pengenalan ini yang akan menyentuh latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian lepas (*literature review*), metodologi kajian, sistematika kajian dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mutakhir ini terdapat dalam kalangan umat Islam di Malaysia cenderung membincangkan *maqāṣid al-syari‘ah* bagi mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Setakat kajian ini berjalan, terdapat perbincangan mengenai *maqāṣid al-syari‘ah* dilaksanakan dalam bentuk seminar, forum, kajian ilmiah, penulisan buku, penulisan pada *media massa*, ucapan ahli politik, ucapan pemimpin negara dan sebagainya. Antara seminar-seminar yang telah dianjurkan ialah Seminar *Maqāṣid al-Syari‘ah* dalam Pentadbiran Negara Peringkat Kebangsaan pada tahun 2009 di Kota Bharu, Kelantan dan Seminar *Maqāṣid al-Syari‘ah* di Shah Alam, Selangor pada tahun 2011. Isu utama yang dibincangkan oleh pihak pembentang kertas kerja ialah yang berkaitan dengan kaedah untuk mengaplikasikan *maqāṣid al-syari‘ah* dalam pengurusan dan pentadbiran negara.





Selain itu, terdapat beberapa seminar mengenai *maqāṣid al-syarī'ah* yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Mufti Perlis, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), Institut Darul Ehsan (IDE), Penang Institute dan sebagainya.¹ Seminar tersebut merupakan sebahagian daripada program pencambahan ilmu untuk memahami *maqāṣid al-syarī'ah*. Kebanyakan pihak pengajur memberi fokus pada pembangunan insan dan pembangunan negara dari aspek politik, ekonomi, pentadbiran dan pengurusan mengikut persepsi setiap organisasi tersebut. Sebagai contoh ialah Seminar Eksekutif *Maqāṣid al-Syarī'ah: Konsep Asas dan Aplikasi Semasa dalam Perkhidmatan Awam Negeri Selangor* pada tahun 2016. Seminar ini telah dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Isu utama yang diangkat oleh pihak pengajur ialah yang berkaitan dengan kaedah mengaplikasikan *maqāṣid al-syarī'ah* dalam pembangunan insan dalam perkhidmatan awam.

Terdapat dalam kalangan ahli politik dan pemimpin negara menyarankan semua pihak supaya memahami *maqāṣid al-syarī'ah*.² Menerusi penelitian pengkaji, isu utama yang diucapkan oleh pemimpin tersebut ialah kaedah untuk mengaplikasikan *maqāṣid al-syarī'ah* dari aspek keadilan dan kesaksamaan dalam pengurusan dan pentadbiran negara.

¹ Lihat www.jais.gov.my diakseskan pada 25 Oktober 2017. Tema seminar ini ialah Seminar *Maqāṣid al-Syarī'ah: Membawa Kehabguan Kepada Keluarga* menerusi Unit Undang-Undang Keluarga, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling Jaya, www.ikim.gov.my diakseskan pada 25 Oktober 2017. Tema seminar IKIM ialah Seminar *Maqāṣid al-Syarī'ah Dalam Kekeluargaan*, <http://www.omaq.org> diakseskan pada 25 Oktober 2017.

² Sebagai contoh Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato" Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah menyampaikan ucapan pada Majlis Malam Jasamu Dikenang, Allahyarham Ustaz Nik Mohamed Mohyideen Wan Musa di Kolej Islam Sultan Ahmad Shah, Klang mengenai *maqāṣid al-syarī'ah* yang diperjuangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Begitu juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia iaitu Dato" Seri Anwar bin Ibrahim ada menyatakan bahawa sebuah kerajaan mestil melaksanakan keadilan yang menyeluruh berdasarkan maqasid al-syari'ah. Lihat www.utusan.com.my diakses pada 28.2.2013, www.peraktoday.com diakses pada 28.2.2013, www.malaysiakini.com diakses pada 28.2.2018, lihat juga anwaribrahimblog.com diakses pada 28.2.2013.



Manakala contoh penulisan ilmiah yang telah disumbangkan oleh sarjana di Malaysia mengenai *maqāṣid al-syarī'ah* ialah seperti tulisan Abdul Monir Yaacob.³ Tulisan ini memfokuskan kaedah mengaplikasikan *maqāṣid al-syarī'ah* dalam *istinbāt* hukum Islam semasa khususnya yang berkaitan dengan perbankan Islam, takaful, sekuriti, pelaburan dan sebagainya. Asmadi Mohamed Naim pula telah menulis *maqāṣid al-syarī'ah* dan kaedah mengaplikasikannya dalam pengurusan Islam.⁴ Menurutnya, perubahan zaman sangat memerlukan *maqāṣid al-syarī'ah* untuk menetapkan hukum yang tidak bercanggah dengan Islam dalam pengurusan moden.⁵

Manakala Hailani Muji Tahir telah menulis kaedah mengaplikasikan *maqāṣid al-syarī'ah* dalam pengurusan ekonomi.⁶ Menurutnya, *maqāṣid al-syarī'ah* menjadi suatu keperluan untuk berijihad bagi menentukan dasar fiskal dalam pengurusan sumber pendapatan Negara.⁷ Noor Naemah Abd Rahman dan Muhammad Nazir Alias juga menyumbang satu tulisan yang berkaitan dengan kaedah mengaplikasikan *maqāṣid al-syarī'ah* terhadap politik Islam dalam mentadbir Negara.⁸ Tulisan tersebut ada menyatakan bahawa urusan politik untuk mentadbir negara sangat bergantung pada *maqāṣid al-syarī'ah*. Ia berfungsi sebagai garis panduan kepada sesuatu tindakan supaya tidak terkeluar daripada perintah Allah SWT.⁹ Terdapat beberapa saranan pengkaji yang lain

³ Lihat Abdul Munir Yaakob, “Maqasid Shari’ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum”, dalam Paizah Ismail et al., *Fiqh Malaysia* (Kuala Lumpur: Unit Penerbitan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 167 – 191.

⁴ Lihat Asmadi Mohamed Naim, *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam* (Kedah: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2011).

⁵ *Ibid.*, 91.

⁶ Lihat Hamidi bin Abdul Ghani et al., *Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara*, 29 – 59.

⁷ *Ibid.*, 42.

⁸ Lihat Noor Naemah Abd Rahman dan Muhammad Nazir Alias, “Maqāṣid Sharī’ah Asas Pendekatan Siyāsah Sharī’iyah dalam Pentadbiran Negara”, dalam Mahmood Zuhdi Abd Majid et al., *Maqasid Syariah* (Selangor: Penerbit UAIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012), 51 – 65.

⁹ *Ibid.*, 65.



seperti Mahmood Zuhdi Abdul Majid, iaitu dalam satu tulisannya ada menyatakan bahawa *maqāṣid al-syari‘ah* perlu diaplikasikan dalam berijtihad atau melakukan penyelidikan ilmiah.¹⁰ Paizal Ismail turut mencadangkan supaya *maqāṣid al-syari‘ah* dijadikan subjek dalam sukanan pelajaran pengajian syariah seterusnya mewujudkan pedagogi baharu.¹¹

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa penglibatan pelbagai pihak dalam membincangkan *maqāṣid al-syari‘ah* sama ada di seminar-seminar atau penulisan ilmiah menumpukan terhadap kaedah mengaplikasikan *maqāṣid al-syari‘ah* dalam pentadbiran dan pengurusan, politik, ekonomi fatwa (ijtihad fiqh) dan pendidikan. Manakala perbincangan kaedah mengaplikasikan *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum khasnya ayat-ayat hukum jenayah tidak dilakukan oleh pihak-pihak tersebut walaupun kepentingannya boleh membantu masyarakat Islam memahami ayat-ayat hukum jenayah dalam konteks yang betul dan tepat.

Ruang yang ditinggalkan ini perlu dipenuhi oleh suatu kajian yang boleh menyumbang kepada kefahaman yang betul mengenai hubungan *maqāṣid al-syari‘ah* dan ayat-ayat hukum jenayah. Pada hemat pengkaji, kepincangan akan berlaku terhadap perkembangan *maqāṣid al-syari‘ah* sekiranya perbincangan mengenainya tidak dihubungkan dengan *naṣ* Quran. Hal ini disebabkan terdapat sebahagian masyarakat telah mengutamakan akal daripada *naṣ* Quran ketika menghuraikan *maqāṣid al-syari‘ah*. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya

¹⁰ Lihat Mahmood Zuhdi Abd Majid, “Maqāṣid Sharī‘ah: Satu Pengenalan”, dalam Mahmood Zuhdi Abd Majid et al., *Maqasid Syariah*, 47.

¹¹ Lihat Paizah Ismail et al., “Pendekatan Baru Maqāṣid al-Sharī‘ah dalam Pengajian Sharī‘ah di Malaysia: Satu Analisis”, dalam Mahmood Zuhdi Abd Majid et al., *Maqasid Syariah*, 67-111.





penyelewengan terhadap agama Islam. Menurut Ahmad al-Raysūnī, mutakhir ini wujud dua aliran dalam dunia akademik yang tersasar dalam memahami ayat-ayat hukum.¹² Aliran pertama ialah aliran *Madrasah al-Maqāṣidiyyah* yang tidak mengambil *naṣ* Quran atau sedikit menggunakan *naṣ* Quran. Manakala aliran kedua ialah aliran *Madrasah Naṣṣiyyah* yang menggunakan zahir ayat semata-mata.¹³

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, terdapat tiga aliran pemikiran dewasa ini dalam memahami *naṣ* Quran dalam konteks *maqāṣid al-syarī‘ah*.¹⁴ Kumpulan tersebut ialah;

- i. *Madrasah al-Zāhiriyah* Moden. Aliran ini melihat *naṣ* Quran secara zahir serta menolak ikhāl al-hukm yang berkaitan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*.
- ii. *Madrasah al-Mu,atṭalah* Moden. Aliran ini menyangka bahawa agama tidak mempunyai kerangka yang kukuh lalu mereka membuat pentakwilan yang jauh daripada *naṣ* Quran dengan alasan untuk memenuhi *maqāṣid al-syarī‘ah*.
- iii. *Madrasah Wasatiyyah*. Aliran ini bersikap sederhana dengan menjadikan *naṣ* sebagai pegangan bersama dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*.

¹² Ahmad al-Raysūnī, *Maqāṣid al-Maqāṣid* (Kaherah: Dār al-Kalimah, 2014), 13.

¹³ *Ibid.*, 13-14.

¹⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Siyāsah al-Syarī‘iyah fī Daw’i Nusūṣ al-Syarī‘ah wa Maqāṣiduhā* (Beirut: Muassah al-Risālah, 2011), 212-213.





Menerusi pembahagian yang dikemukakan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī menunjukkan bahawa aliran Madrasah Wasṭīyyah menepati kehendak syarak. Ekoran itu, perbincangan *maqāṣid al-syari‘ah* mesti diikat dengan *nas* Quran. Oleh itu, mustahak kajian mengenai pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum. Tujuan kajian tersebut ialah:-

- i. Mengetahui metode pentafsiran berasaskan *maqāṣid al-syari‘ah* yang telah diaplikasikan oleh *mufassir* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum,
- ii. Mendapat satu garis panduan kepada umat Islam untuk mengaplikasikan *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum,
- iii. Menghindarkan umat Islam daripada menyeleweng ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum.

Mutakhir ini juga terdapat dalam kalangan umat Islam di Malaysia cenderung membincangkan undang-undang jenayah syariah bagi menyelesaikan permasalahan kes jenayah. Menerusi kajian ini mendapati kehendak umat Islam untuk melaksanakan undang-undang jenayah syariah berpunca daripada dua perkara asas, iaitu:

- i. Undang-undang jenayah syariah ialah peraturan Allah SWT yang termaktub dalam Quran menerusi perintah-Nya yang terdapat pada ayat-ayat hukum jenayah,





- ii. Gejala jenayah yang melibatkan umat Islam meningkat setiap tahun.

Isu-isu jenayah seperti ini sedang melanda dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, terdapat pelbagai yang pihak tampil ke hadapan untuk memberi idea dan pandangan bagi menyelesaikan kes jenayah tersebut. Setakat kajian ini berjalan, terdapat beberapa seminar, forum, penulisan buku, penulisan pada *media massa*, ucapan ahli politik, ucapan pemimpin negara dan sebagainya membincangkan perkara tersebut. Antara seminar yang telah diadakan oleh pihak kerajaan ialah seperti seperti “Seminar Cegah Jenayah Syariah 2012”. Seminar ini dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI).¹⁵ Turut dianjurkan juga ialah seminar mengenai pencegahan jenayah syariah, iaitu “Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah 2013”. Seminar ini dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).¹⁶ Seminar mengenai jenayah syariah melibatkan hukum sihir, iaitu “Seminar Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Isu dan Cabaran Sihir Dalam Perundangan Syariah 2015”. Seminar ini dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).¹⁷

Terdapat pihak universiti yang turut serta menganjurkan seminar yang berkaitan dengan undang-undang jenayah seperti “Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Kebangsaan 2014”. Seminar ini dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).¹⁸ “Seminar Undang-Undang dan Masyarakat II

¹⁵ Lihat www.jawi.com.my diakseskan pada 26 Oktober 2017.

¹⁶ Lihat www.e-muamalat.gov.com diakseskan pada 26 Oktober 2017.

¹⁷ Lihat www.jais.com.my diakseskan pada 26 Oktober 2017.

¹⁸ Lihat www.ukm.my diakseskan pada 26 Oktober 2017.





(SLAS II): Menambah baik Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah Di Malaysia". Seminar ini telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia 2014.¹⁹

Terdapat juga parti politik dan *Non Government Organisation* (NGO) menganjurkan pelbagai seminar untuk memahami undang-undang jenayah syariah khasnya yang berkaitan dengan hukum hudud seperti "Seminar Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 2014". Seminar ini dianjurkan oleh Dewan Ulama PAS Pusat di Kelantan.²⁰ Seminar ini bertemakan hudud semata-mata, iaitu "Mengenai Hudud 2014". Seminar ini dianjurkan oleh *Malaysian Chinese Association* (MCA) di Selangor.²¹ Seminar mengenai perundangan jenayah syariah menerusi "Seminar Perundangan Jenayah Syariah: Isu dan Cabaran

2009" juga telah dianjurkan oleh NGO-NGO Islam negeri Pahang di Pahang.²²

Tegasnya, pelbagai pihak terlibat menganjurkan seminar jenayah syariah untuk mengetahui sumber perundangan jenayah syariah, memahami konsep undang-undang jenayah syariah dan memperkasakan mahkamah syariah bagi melaksanakan undang-undang jenayah syariah. Isu ini menjadi polemik yang berpanjangan di Malaysia khususnya golongan yang menentang pelaksanaan undang-undang jenayah syariah. Parti Islam SeMalaysia (PAS) komited membantu umat Islam di Malaysia bagi pelaksanaan undang-undang jenayah syariah. Oleh itu, PAS telah mengarahkan Ahli Parlimen Marang untuk

¹⁹ Lihat www.iium.edu.my diakseskan pada 26 Oktober 2017.

²⁰ Lihat www.niknasri.com diakseskan pada 26 Oktober 2017.

²¹ Lihat www.mstar.com.my diakseskan pada 26 Oktober 2017.

²² Lihat www.haluan.org.my diakseskan pada 26 Oktober 2017, lihat juga www.abimpahang.blogspot.com diakseskan pada 26 Oktober 2017.



membentangkan Pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) atau dikenali sebagai Akta 355.²³

Perkembangan ini telah mendorong pengkaji untuk meneliti ayat-ayat yang berkaitan dengan jenayah yang terdapat dalam Quran. Ayat-ayat hukum jenayah wajar diberi perhatian oleh para sarjana khususnya *mufassir*, ahli fiqah dan pengamal undang-undang Islam. Ayat-ayat hukum jenayah merupakan polisi kepada undang-undang dan peraturan hidup umat Islam. Hal ini disebabkan ayat-ayat hukum jenayah merupakan sumber undang-undang jenayah tertinggi dalam syariat Islam. Jika ayat-ayat tersebut ditafsirkan tidak mengikuti metodologi yang betul mengenai hukum, undang-undang dan *maqāṣid al-syari‘ah*, maka akan berlaku penyelewengan terhadap wahyu Allah SWT.

Yūsuf Aḥmad al-Badawī menyatakan bahawa *naṣ* Quran yang berkaitan dengan hukum perlu ditafsirkan menjurus *maqāṣid al-syari‘ah* supaya selari dengan kehendak syarak.²⁴ Ibn Ḵayr menambah bahawa objektif pensyariatan hukum hudud dan *qisās* menjurus tiga perkara, iaitu mendidik penjenayah, melembutkan hati mangsa dan menakutkan orang lain daripada melakukan jenayah.²⁵ Muḥammad Sa‘ad al-Yūbī menyebut pula bahawa hukum-hukum Allah telah menetapkan *maqāṣid* untuk kemaslahatan manusia di dunia dan di

²³ Pembentangan usul RUU 355 di Parlimen oleh Ahli Parlimen Marang iaitu Dato“ Seri Abd Hadi Awang pada 6 April 2017 mendapat pelbagai reaksi positif dan negatif di kalangan rakyat Malaysia. Hal ini disebabkan perbincangan mengenai hudud rakyat Malaysia tidak mendapat pendedahan yang meluas. Lihat www.astroawani.com, www.utusan.com.my, www.freemalaysiatoday.com, www.sinarharian.com.my, <http://malaysiakini.com>, www.harakahdaily.net, www.barisanannasional.org, www.mstar.com, www.bharian.com.my, www.hmetro.com.my, www.roketkini.com diakseskan pada 26 Oktober 2017.

²⁴ Yūsuf Aḥmad Muḥammad al-Badawī, *Maqāṣid al-Syari‘ah ,ind Ibn Taymiyyah* (,Ammān: Dār al-Nafāis, 2000), 115-116.

²⁵ Muḥammad al-Tāhir bin “Asyūr, *Maqāṣid al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, (,Ammān: Dār al-Nafāis, 2011), 516-517.



akhirat.²⁶ Oleh itu, ayat-ayat hukum jenayah wajar ditafsirkan selari dengan *maqāṣid al-syārī, ah*

Kefahaman yang betul mengenai aplikasi *maqāṣid al-syārī, ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah mampu menolak aliran golongan Islam Liberal.²⁷ Menerusi penelitian pengkaji, golongan Islam Liberal ingin mengambil *maqāṣid al-syārī, ah* dan menolak pelaksanaan ayat-ayat hukum secara *naṣ*. Menurut Fahmi Salim, golongan Islam Liberal telah mentafsirkan ayat hukum jenayah mencuri dengan mengambil *maqāṣid al-syārī, ah* dan menolak pelaksanaan hukum potong tangan.²⁸

Golongan Islam Liberal ini membuat pentafsiran dengan menyatakan bahawa perkara mustahak ialah *maqāṣid al-syārī, ah*, iaitu untuk memelihara harta bukan pelaksanaan hukuman potong tangan kerana hukuman tersebut hanya sesuai dengan kondisi waktu ayat diturunkan.²⁹ Fahmi Salim membantah pandangan golongan Islam Liberal tersebut dengan menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman jenayah (hukuman potong tangan) berdasarkan pentafsiran terhadap *naṣ* dan penjelasan terhadap *maqāṣid al-syārī, ah*³⁰ Oleh itu, penyelewengan terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah memerlukan umat Islam sendiri menanganinya.

²⁶ Muhammad Sa'ad bin Ahmad al-Yūbī, *Maqāṣid al-Syārī, ah al-Islāmiyyah wa ,Alāqatuhā bi al-Adillah al-Syar'iyyah* (Riyād: Dār al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tawzī, 1998), 107.

²⁷ Menurut Ugi Suharto, Islam Liberal pada asalnya suatu istilah yang digunakan oleh penulis Barat seperti Leonard Binder dan Charles Kurzman. Menurutnya, secara asasnya kewujudan Islam Liberal adalah untuk mentafsirkan Islam yang sesuai dengan *modernity* yang dibina oleh Barat. Menurut Marzuki Mohamad, Kurzman mendefinisikan Islam Liberal sebagai pentafsiran Islam yang lebih terbuka terhadap idea-idea demokrasi, pengasingan agama daripada politik, hak-hak wanita kebebasan berfikir dan kemajuan manusia. Aliran Islam Liberal berkembang ke negara-negara umat Islam termasuk Malaysia. Di Malaysia gerakan aliran Islam Liberal dipelopori oleh NGO seperti Sister In Islam (SIS), Artikel 11, dan G 25. Lihat Ugi Suharto, *Pemikiran Islam Liberal* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 2007), 3-33, Abdul Karim Ali et al., *Islam Liberal: Isu Dan Cabaran* (Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia, 2009), 158-160, Lihat juga Anis Malik Thoha, *Tren Pluralisme Agama* (Jakarta: Perspektif Kelompok Gema Insani, 2005)

²⁸ Fahmi Salim, *Kritik Terhadap Studi al-Quran Kaum Liberal* (Jakarta: Perspektif Kelompok Gema Insani, 2010), 471-483.

²⁹ *Ibid.*, 473-474.

³⁰ *Ibid.*, 475-483.





Tegasnya, isu-isu seperti dibincangkan ini telah menarik perhatian pengkaji untuk meneliti ayat-ayat hukum jenayah yang dikupas oleh *mufassir* mengenai *maqāṣid al-syārī, ah*. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji *maqāṣid al-syārī, ah* yang telah diaplikasikan oleh HAMKA menerusi *Tafsir al-Azhar*. Pengkaji ingin meneliti *Tafsir al-Azhar* kerana karya ini mendapat banyak penghargaan daripada pelbagai pihak terutama ahli akademik. Menurut Abdul Rauf, *Tafsir al-Azhar* telah dipuji oleh Prof. Dr. Komaruddin Hidayat,³¹ Prof. Dr. Yunan Yusuf,³² Dr. H. Ibnu Sutowo,³³ Prof. Dr. Karel A. Steenbrink³⁴ dan sebagainya.

Di Malaysia *Tafsir al-Azhar* diangkat oleh ahli akademik seperti Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof,³⁵ Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim,³⁶ Prof. Dr. Jawiah Dakir³⁷ dan lain-lain sebagai karya tafsir yang unggul dan isi kandungannya mencerminkan perubahan sosial di Indonesia pada abad ke-20. *Tafsir al-Azhar* telah dikaji oleh para sarjana secara ilmiah dalam dan luar negara. *Tafsir al-Azhar* juga dibaca oleh ulama bagi menyampaikan isi kandungan Quran kepada masyarakat awam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini

³¹ Beliau ialah Prof. Dr. Komaruddin bin Hidayat lahir pada tahun 1953 di Magelang, Jawa Tengah. Beliau memegang jawatan sebagai Rektor Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Republik Indonesia bermula dari tahun 2006 hingga 2014. Beliau sangat tekun berlajar sehingga memperolehi Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Filsafah di Middle East Technical University, Ankara, Turki. http://id.wikipedia.org/wiki/Komaruddin_Hidayat diakses pada 9.11.2014.

³² Prof. Dr. Yunan bin Yusuf dilahirkan pada tahun 1949 di Tapanuli Tengah, Sumatera Utara, Indonesia. Pernah memegang jawatan Dekan di Fakulti Dakwah dan Komunikasi, Universiti Islam Negeri, Syarif Hidayatullah, Jakarta, Republik Indonesia. <http://psq.or.id/dewan-pakar/> diakses pada 9.11.2014.

³³ Dr. H. Ibnu Sutowo lahir di Yogyakarta pada tahun 1914. Beliau merupakan graduan dalam bidang kedoktoran di Surabaya dan pernah menjadi Menteri Energi dan Sumber Daya Maneral, Republik Indonesia. Beliau meninggal dunia di Jakarta pada 12 Januari 2001 ketika berumur 86 tahun. http://id.wikipedia.org/wiki/Ibnu_Sutowo diakses pada 9.11.2014.

³⁴ Karel A. Steenbrink pernah bekerja di Netherland, Republik Indonesia, dan Kanada. Beliau bersara dari kerja semenjak tahun 2007. Setelah bersara beliau menerima anugerah Professor Emeritus dari Intercultural Theology Utrecht University. Beliau merupakan seorang pengkaji mengenai pengajaran Islam dan perbandingan agama. <http://www.uu.nl/staff/KASteenbrink1/0> diakses pada 9.11.2014. Lihat Karel A. Steenbrink, *Hamka (1908-1981): A Mystical Teacher As Political Leader Of The Islam In Indonesia* (Jakarta: IAIN Syarif Hidayatullah, 1982),viii.

³⁵ Dr. Wan Sabri bin Wan Yusuf merupakan Prof. Madya dan pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. www.uium.edu.my diakses pada 17.11.2014.

³⁶ Dr. Mazlan bin Ibrahim merupakan Prof. Madya dan pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh ijazah pertama dari Universiti al-Azhar, Mesir dan ijazah kedua dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala Doktor Falsafah adalah dari Universiti Malaya. Kepakaran beliau ialah tafsir, hadith, dan pemikiran Islam. www.ukm.my/fpi/direktori-juf.htm diakses pada 17.11.2014.

³⁷ Prof. Datin Paduka Dr. Jawiah binti Dakir merupakan Timbalan Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. www.ukm.my/hadhari diakses pada 17.11.2014.





wajar dijalankan untuk mengetahui isi kandungan karya ini yang berkaitan dengan *maqāṣid al-syari‘ah*, latar belakang kajian ini memfokuskan isu *maqāṣid al-syari‘ah*, ayat-ayat hukum jenayah dan karya *Tafsir al-Azhar* sebagai bahan kajian untuk mengetahui kaedah pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Perbincangan berkaitan isu-isu *maqāṣid al-syari‘ah*, jenayah syariah dan *Tafsir al-Azhar* dalam latar belakang kajian ini telah menonjolkan tiga masalah dalam kajian ini. Masalah kajian tersebut ditemakan kepada perkara berikut:



1.3.1 *Maqāṣid al-Syari‘ah*

Terdapat kajian mengenai *maqāṣid al-syari‘ah* dalam bidang pengajian syariah, ekonomi Islam, pengurusan Islam, kemasyarakatan dan pemikiran Islam telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia khasnya. Kajian-kajian tersebut telah dibentang oleh pengkaji dalam pelbagai seminar dan sebahagiannya telah menerbitkan buku-buku ilmiah. Perkembangan ini menunjukkan bahawa ramai pengkaji yang perihatin terhadap isu-isu yang timbul khususnya berkaitan dengan *maqāṣid al-syari‘ah* untuk kemajuan agama dan negara. Namun, kajian mengenai *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat Quran amnya dan ayat-ayat hukum khasnya tidak diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji tersebut.





Lantaran itu, wujud kebimbangan terhadap perkembangan ini sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Ahmad al-Raysūnī dan Yūsuf al-Qaraḍāwī mendapati ada golongan yang mengambil *maqāṣid al-syarī'ah* dan menolak *nas* Quran. Oleh itu, umat Islam perlu kepada garis panduan yang jelas mengenai hubungan *maqāṣid al-syarī'ah* dengan *nas* Quran. Perkara ini boleh menghindarkan umat Islam daripada menyeleweng ketika membicara hukum-hukum yang terdapat dalam Islam.

1.3.2 Ayat-ayat Hukum Jenayah

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan oleh sarjana mengenai ayat-ayat hukum sama ada kajian perbandingan aliran mazhab atau kajian mengenai metodologi *mufassir* ayat-ayat hukum. Kajian-kajian tersebut telah memberi impak kepada dunia akademik khususnya di Malaysia. Namun, kajian mengenai ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran tidak didedahkan kepada umat Islam di negara ini. Sedangkan ayat-ayat hukum jenayah merupakan sumber undang-undang jenayah yang tertinggi dalam Islam. Menjadi suatu perkara yang pelik apabila umat Islam di Malaysia memahami undang-undang jenayah sivil³⁸ lebih daripada mereka memahami undang-undang jenayah syariah.

³⁸ Di Malaysia undang-undang jenayah sivil bersumberkan Kanun Keseksaan (*Panel Code*) dan Kanun Acara Jenayah (*Criminal Procedure Code*). Undang-undang jenayah sivil ini sebahagian daripada *Common Law*, iaitu sistem adversarial mahkamah yang diamalkan di England. Lihat <https://ms.wikipedia.org> diakseskan pada 26 Oktober 2016.





Isu-isu perundangan Islam telah menjadi polemik masyarakat pelbagai kaum di Malaysia mutakhir wajar diselesaikan oleh sarjana dengan memberi kefahaman yang betul kepada mereka. Menerusi fakta yang betul berkemungkinan semua pihak akan menghormati status undang-undang jenayah syariah ini. Oleh itu, kajian ini berperanan menyampaikan fakta tersebut kepada rakyat di negara ini khasnya umat Islam. Ayat-ayat yang berkaitan dengan undang-undang jenayah syariah terdapat dalam Quran. Jika ayat-ayat tersebut ditafsirkan mengikut metodologi yang betul mengenai hukum, undang-undang dan *maqāṣid al-syari‘ah*, maka polemik yang sedang melanda negara ini akan terlerai dengan baik.



Tafsir al-Azhar merupakan karya tafsir yang dibaca dan dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat Islam di Nusantara. Lantaran itu karya tafsir ini telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji mengenai pemikiran HAMKA, metodologi pentafsiran, perbandingan dan sebagainya.³⁹ Namun, kajian mengenai aplikasi *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah khasnya tidak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tersebut. Kenapa karya yang tersohor ini tidak dikaji daripada aspek *maqāṣid al-syari‘ah*?, sedangkan aspek-aspek lain dikaji oleh pengkaji-pengkaji secara ilmiah. Oleh yang demikian, pengkaji memilih karya *Tafsir al-Azhar* ini sebagai bahan kajian untuk menganalisis pengaplikasian

³⁹ Lihat di latar belakang kajian dan pada kajian lepas dalam tesis ini ada menjelaskan mengenai perkara di atas.





maqāṣid al-syari‘ah HAMKA terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:-

- i. Apakah metodologi pentafsiran HAMKA terhadap ayat-ayat hukum dalam *Tafsir al-Azhar*?
- ii. Bagaimanakah perkembangan *maqāṣid al-syari‘ah* dan contoh pengaplikasianya terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum dalam karya tafsir *āyāt al-aḥkām*?
- iii. Bagaimanakah kedudukan ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran?
- iv. Sejauhmanakah *maqāṣid al-syari‘ah* telah diaplikasikan oleh HAMKA dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum jenayah menerusi karya *Tafsir al-Azhar*?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:-

- i- Memperkenalkan metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum dalam *Tafsir al-Azhar*.





- ii- Mengenal pasti perkembangan *maqāṣid al-syari‘ah* dan contoh pengaplikasiannya terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum dalam karya tafsir *āyāt al-aḥkām*.
- iii- Mengenal pasti ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran.
- iv- Menganalisis *maqāṣid al-syari‘ah* yang telah diaplikasikan oleh HAMKA terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini melibatkan *maqāṣid al-syari‘ah* dan ayat-ayat hukum jenayah yang menjadi polemik rakyat di Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan menyumbang perkembangan ilmu dan intelek dalam kalangan umat Islam. Hasil kajian ini akan menunjukkan bahawa kewajaran *maqāṣid al-syari‘ah* diaplikasi oleh *mufassir* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum yang terdapat dalam Quran. ,Abd al-Karīm Zaydān, Aḥmad al-Raysūnī, Yusūf al-Qaraḍāwī dan lain-lain telah mengupas bahawa mengetahui rahsia-rahsia syarak dan tujuan pensyariatan hukum-hukum akan membantu umat Islam memahami *naṣ* Quran secara baik.⁴⁰ Dengan hal yang demikian, kajian ini akan menjelaskan bahawa ayat-ayat hukum jenayah mempunyai *maqāṣid al-syari‘ah* yang boleh dicapai oleh manusia sekiranya mereka melaksanakan undang-undang jenayah syariah.

⁴⁰ ,Abd al-Karīm Zaydān, *al-Waj̄iz fī Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Tawzī, wa al-Nasyr, 1993), 375. Lihat juga ,Abd al-Wahāb Khalāf, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Qalam, 1978),198.





Menerusi penelitian terhadap *Tafsir al-Azhar*, kajian ini akan menjadi metode pengaplikasian *maqāṣid al-syārī‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum yang terdapat dalam Quran. Pendedahan secara ilmiah terhadap metode pengaplikasian *maqāṣid al-syārī‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam karya *Tafsir al-Azhar* akan menjadi panduan kepada umat Islam ketika berinteraksi dengan ayat-ayat hukum. Selain itu, kajian ini juga membantu umat Islam daripada pengaruh gerakan Islam Liberal dan gerakan-gerakan lain yang menyeleweng dengan menggunakan nama *maqāṣid al-syārī‘ah*.⁴¹ Kajian ini merupakan sumbangan ilmu kepada umat Islam bagi memajukan mereka dari aspek kefahaman terhadap ajaran Islam dan penambahbaikan bagi membina undang-undang jenayah syariah dalam Negara ini. Kajian ini juga akan menyumbang kepada pembaca *Tafsir al-Azhar* berkaitan *maqāṣid al-syārī‘ah*



1.7 Skop Kajian

Skop utama kajian ini hanya menyentuh persoalan yang berkaitan dengan *maqāṣid al-syārī‘ah* yang diaplikasikan oleh HAMKA terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*. Tumpuan utama hanya terhadap ayat-ayat hukum jenayah yang berkaitan dengan hudud seperti arak, zina, *qadhaf* (tuduhan berzina) *sariqah* (mencuri), *hirābah* (rompakan), murtad,

⁴¹ Golongan Islam Liberal mentafsir ayat al-Qur'an khususnya berkaitan ayat hukum dengan menggunakan akal semata-mata tanpa pengetahuan asas disiplin keilmuan Islam antaranya pengetahuan terhadap hadith, usul al-fiqh, bahasa Arab, *maqāṣid syārī‘ah*, dan sebagainya. Terdapat juga di kalangan golongan Islam Liberal seperti Dr. Nasr Hamid Abu Zaid yang menganggap bahawa perlaksanaan hukum hudud tidak menepati *maqāṣid syārī‘ah*. Pemikiran ini celar dengan konsep sebenar *maqāṣid syārī‘ah* dalam memahami ayat-ayat hukum. Lihat Abdul Karim Ali et al., *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*, 16, 75.





bughāh (penderhaka) dan *qiṣāṣ*. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan terhadap ayat-ayat tersebut dalam *Tafsir al-Azhar*⁴² seperti jadual yang berikut:

Jadual 1.1

Ayat-ayat Hukum Jenayah dalam Tafsir al-Azhar

Ayat Hukum Jenayah	Jilid	Juzuk	Nama Surah	Ayat
Arak	1	2	Al-Baqarah	219
	2	5	Al-Nisa“	43
	3	7	Al-Maidah	90 dan 91
	4	12	Yusuf	36 dan 41
	5	14	Al-Nahl	67
	8	26	Muhammad	15
Zina	5	15	Al-Isra“	32
	6	18	Al-Nur	2 dan 3
	6	19	Al-Furqan	68
	9	28	Al-Mumtahinah	12
<i>Qadhaf</i> Berzina)	(Tuduh	6	Al-Nur	4, 5 dan 23
Sariqah (Mencuri)	2	6	Al-Maidah	38 dan 39
Hirābah (Merompak)	2	6	Al-Maidah	33 dan 34
Murtad	1	1	Al-Baqarah	109 dan 219
	2	4	Ali „Imran	100
	2	5	Al-Nisa“	137
	2	6	Al-Maidah	54
	3	7	Al-An“am	71
	5	14	Al-Nahl	106
	8	26	Muhammad	25
<i>Bughāh (Penderhaka)</i>	8	26	Al-Hujurat	9
<i>Qiṣāṣ</i>	1	2	Al-Baqarah	178, 179 dan 194
	2	5	Al-Nisa“	92 dan 93
	2	6	Al-Maidah	32 dan 45
	5	14	Al-Nahl	126
	5	15	Al-Isra“	33

⁴² Karya tafsir yang menjadi bahan kajian ini ialah *Tafsir al-Azhar* yang diterbitkan oleh Penerbit Pustaka Panjimas. Karya ini diterbitkan di Jakarta pada tahun 1982 dengan nombor PP 82.10. Manakala alamatnya ialah Jalan Penjernihan 11/12 A, Bendungan Hilir Jakarta 10210 Indonesia. Karya ini mempunyai sembilan jilid dengan memuatkan 30 juzuk isi kandungan Quran. Jilid pertama, jilid kedua, jilid ketiga, jilid keempat, jilid ketujuh dan jilid kesembilan mempunyai 3 juzuk isi kandungan Quran yang ditafsirkan oleh HAMKA. Manakala jilid kelima, jilid keenam dan jilid kelapan mengandungi 4 juzuk isi kandungan Quran yang ditafsirkan oleh HAMKA.



Adapun aspek *maqāṣid al-syari‘ah* yang difokus oleh pengkaji ialah aspek *maṣlaḥah*, aspek *mafsadah*, aspek سبفع لفظ مخصوص *maqāṣid al-syari‘ah*, aspek *maṣlaḥah*, aspek *mafsadah*, aspek *lazimiyat*, aspek *lazimiyat*, dan aspek *lazimiyat*. Aspek-aspek ini bercabang daripada kaedah دسء لفواض ذق نم علی جلة اوصى لخ iaitu penolakan terhadap kerosakan (*mafsadah*) lebih diutamakan daripada menarik kebaikan (*maṣlaḥah*). Asas kepada aspek *maqāṣid al-syari‘ah* ini ialah konsep yang telah diadaptasi oleh pengkaji terhadap kajian Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī,⁴³ Aḥmad al-Raysūnī,⁴⁴ Muḥammad Sa‘ad Aḥmad al-Yūbī⁴⁵ dan Samīḥ ‘Abd al-Wahāb al-Janadī.⁴⁶

Skop kedua kajian ini pula akan memfokus perkembangan *maqāṣid al-syari‘ah* dan contoh pengaplikasianya dalam karya tafsir *āyāt al-ahkām*. Kajian ini akan memilih beberapa karya *maqāṣid al-syari‘ah* klasik dan semasa untuk diteliti mengenai definisi *maqāṣid al-syari‘ah* dan sejarah perkembangannya. Selain itu, kajian ini juga akan meneliti ayat-ayat hukum yang terdapat dalam Quran. Adapun karya tafsir *āyāt al-ahkām* yang diteliti sebagai contoh pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* dalam kajian ini ialah *Aḥkām al-Qur’ān* karangan al-Jaṣāṣ, *Aḥkām al-Qur’ān* karangan Ibn al-‘Arabī, *Rawāī*, *al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān* karangan Muḥammad ,Alī al-Šābūnī, *Tafsīr al-Ahkam* karangan Abdul Halim Hasan dan *Tafsīr Āyāt Aḥkām* karangan Zulkifli Yusuf. Justifikasi pemilihan karya-karya tersebut dalam kajian ialah disebabkan karya-karya tersebut ada membincangkan mengenai *maqāṣid al-*

⁴³ Lihat Nūr al-Dīn Muhktār al-Khādimī, *Abhāth fi Maqāṣid al-Syari‘ah* (Beirut: Dar Maktabah al-Ma‘ārif, 2013), 24.

⁴⁴ Lihat Aḥmad al-Raysūnī, *Al-Fikr al-Maqāṣidi Qawāīduh wa Fawāīduh* (Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzī, 2014), 103, Aḥmad al-Raysūnī, *Madkhāl Ilā Maqāṣid al-Syari‘ah* (Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzī, 2009), 68.

⁴⁵ Muḥammad Sa‘ad bin Aḥmad al-Yūbī, *Maqāṣid al-Syari‘ah al-Islāmiyyah wa ,Alāqatuhā bi al-Adillah al-Syarīyyah* (Riyāḍ: Dār al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tawzī, 1998), 454-466, 476, 528, 577, 629, 630, 631, 633.

⁴⁶ Samīḥ ,Abd al-Wahāb al-Janadī, *Aḥammīyāt al-Maqāṣid fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah wa Atharuhā fī Fahm al-Naṣ wa Isti‘nāb al-Hukm* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2008), 27. Perbincangan ini juga boleh dilihat dalam subtajuk yang berkaitan dengan subtajuk definisi pada muka surat 23 dan metodologi kajian pada muka surat 43 dalam tesis ini.



syari'ah. Selain itu, pemilihan tersebut ialah untuk mengetahui contoh pengaplikasian *maqāṣid al-syari'ah* dalam karya klasik dan karya semasa. Pemilihan karya-karya tersebut juga untuk mengetahui contoh pengaplikasian *maqāṣid al-syari'ah* dalam karya tafsir *āyāt al-aḥkām mufassir* di Tanah Arab dan di Tanah Melayu.

Secara asasnya, kajian ini akan dibatasi oleh dua skop utama, iaitu pengaplikasian *maqāṣid al-syari'ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam karya *Tafsir al-Azhar*. Oleh itu, bukan semua ayat yang akan diteliti oleh pengkaji dalam kajian ini. Skop kedua pula mengenai definisi dan perkembangan *maqāṣid al-syari'ah* serta contoh pengaplikasian *maqāṣid al-syari'ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum dalam karya tafsir klasik dan



1.8 Definisi Tajuk

Tajuk kajian ini ialah “Aplikasi *Maqāṣid Al-Syari'ah* Terhadap Pentafsiran Ayat-Ayat Hukum Jenayah Dalam *Tafsir al-Azhar* Karangan HAMKA”. Oleh itu, untuk memahami konsep-konsep utama dalam tajuk ini pengkaji akan memberi penjelasan dan huraiyan terhadap beberapa istilah yang terdapat dalam kajian ini.





Perkataan „aplikasi“ berasal daripada bahasa Inggeris *application*. Menurut Shahrezad Ibrahim, terdapat empat maksud terhadap perkataan *application*, iaitu permohonan, membubuh, menggunakan dan usaha.⁴⁷ Menurut Teuku Iskandar, perkataan aplikasi bermaksud kegunaan pada praktiknya.⁴⁸ Oleh itu, perkataan aplikasi menjurus maksud menggunakan secara amali sama ada yang berkaitan dengan menggunakan perisian komputer atau mengamalkan ilmu pengetahuan dalam kehidupan harian.⁴⁹ Terdapat makalah ilmiah menggunakan perkataan aplikasi menjurus makna menggunakan suatu kaedah atau suatu konsep seperti tulisan Mohamad Zaidi Abd Rahman, Abdul Nasir Abd Rani dan Kamaru Salam Yusof, Halimatussaadiah Hairun dan Mat Noor Mat Zin dan sebagainya.⁵⁰ Dalam kajian ini perkataan aplikasi akan digunakan oleh pengkaji yang membawa maksud menggunakan kaedah atau konsep seperti aplikasi *maqāṣid al-syarī'ah* bermaksud menggunakan kaedah dan konsep *maqāṣid al-syarī'ah*.

Perkataan *maqāṣid* merupakan kata jamak daripada *maqṣad*, iaitu *māṣdar mīmī* yang berasal daripada *qaṣada*.⁵¹ Perkataan *qaṣada* ini secara etimologi mempunyai beberapa pengertian seperti membawa suatu, menuju, sederhana dan adil.⁵² Perkataan ini sekiranya digunakan secara tunggal dalam kajian ini akan

⁴⁷ Shahrezad Ibrahim et al., *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 53, 54.

⁴⁸ Teuku Iskandar et al., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 59.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Lihat Mohamad Zaidi Abdul Rahman, “Aplikasi Maqāṣid al-Syarī'ah Dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam”, *Jurnal Fiqih*, No. 12 (2015), Abd Nasir bin Abdul Rani dan Kamaru Salam bin Yusof, “Aplikasi Maqāṣid al-Syarī'ah Dalam Pembiayaan Golongan Fakir Menerusi Harta Zakat” (t.t) dan Halimatussaadiah binti Hairudin dan Mat Noor bin Mat Zain, “Aplikasi Prinsip Dalam Kontrak Dan Keuntungan Produk Takaful Keluarga Di Syarikat-Syarikat Takaful Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur”, (t.t).

⁵¹ Māṣdar mīmī ialah kata nama māṣdar (kata terbit) yang ditambah padanya huruf mim. Menurut Aḥmad Mukhtār „Umar, māṣdar mīmī adalah satu bahagian daripada kata nama yang tidak ada pecah (*isim jamid*). Lihat Aḥmad Mukhtār et al., *al-Mu,jam al-,Arabi al-Asāfi* (Tunisia: al-Manunaẓamah al-,Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-,Ulūm, 1999), 24, 25.

⁵² Lihat Muḥammad bin Abū Bakr al-Rāzī, *Mukhtār al-Šīhāh* (Beirut: Muassah al-Risālah, 1988), 536. Lihat juga Jūzīf Elyās dan Jarjis Nāṣīf, *Mu,jam ,Ain al-Fi'l* (Beirut: Dār al-,Ilm li al-Malāyīn, 1995), 375, Aḥmad Mukhtār „Umar et al., *al-Mu,jam al-,Arabi al-Asāfi*, 989, Al-Ḥusyan bin Muḥammad al-Asfiḥānī, *Mu,jam Mufradāt Alfāz al-Qur'ān* (Beirut: Dār Eḥyā" al-Turāth al-'Arabi, 2002), 305.





membawa maksud tujuan atau matlamat. Tetapi sekiranya digabungkan dengan Quran akan membawa maksud tujuan Quran dan sekiranya digabungkan dengan perkataan *al-syari'ah* akan membawa maksud tujuan syarak.

Perkataan „*al-syari'ah*“ berasal daripada *syara'a*. Secara etimologi *al-syari'ah* memberi makna agama, pegangan, metode, jalan dan peraturan.⁵³ Menurut Ibn Manzūr, *al-syari'ah* bermakna jalan lurus menuju ke tempat air. Selain itu, ia juga bermaksud air mata air yang menjadi punca minuman.⁵⁴ Menurut al-Asfihānī, secara etimologi *syara'a* membawa maksud jalan yang jelas.⁵⁵ Kebiasaan *al-syari'ah* yang digunakan oleh masyarakat Arab ialah sumber air yang menjadi punca kehidupan. Namun begitu, dalam kajian ini perkataan *al-syari'ah* sekiranya digunakan secara tunggal akan merujuk syariah atau hukum syarak.



Perkataan „*maqāṣid al-syari'ah*“ merupakan gabungan dua perkataan *maqāṣid* dan *al-syari'ah*. Perkatan ini dalam tulisan Arab terbentuk sebagai **مقاصد الشريعة**. Terkadang perkataan ini terbentuk dalam tulisan Arab sebagai **لمقاصد الشريعة**. Gabungan dua perkataan ini telah menjadi satu disiplin ilmu. Secara terminologi „Ilāl al-Fāsi“ menjelaskan *maqāṣid al-syari'ah* sebagai matlamat dan rahsia yang ditetapkan oleh syarak bagi setiap hukum.⁵⁶ Manakala Ahmad al-Raysūnī, Yūsūf al-,Ālīm, al-Yūbī dan Wahbah al-Zuhaylī menjelaskan bahawa *maqāṣid al-syari'ah* itu merupakan matlamat dan hikmah yang

⁵³ Ahmad Mukhtār, „Umar et al., *al-Mu'jam al-„Arabi al-Asāsi*, 681.

⁵⁴ Muhammad bin Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-„Arab* (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, t.t), j. 25, 2238.

⁵⁵ Al-Husyan bin Muhammad al-Asfihānī, *Mu'jam Mufradāt Alfāz al-Qur'ān*, 194. Lihat juga Muhammad bin Abū Bakr al-Rāzī, *Mukhtār al-Šiħāħ*, 335, Muhammad bin Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-„Arab*, j. 25, 2238.

⁵⁶ Secara teksnya ada dinyatakan oleh „Allāl al-Fāsi“ definisi *maqāṣid al-syari'ah* seperti berikut: **الغاية منها والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها**. Lihat „Allāl al-Fāsi, *Maqāṣid al-Syari'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*, 111.





ditetapkan oleh syarak untuk mendapatnya bagi mencapai *maṣlaḥah* dan menolak *mafsadah* manusia di dunia dan di akhirat.⁵⁷ Al-Ghazālī pula telah memberi konsep asas *maqāṣid al-syari‘ah* sebagai memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Menurutnya, setiap perkara yang mendatangkan *maṣlaḥah* dan menolak *mafsadah* terhadap lima perkara ini, maka ia ialah *maqāṣid al-syari‘ah*.⁵⁸

Menerusi definisi *maqāṣid al-syari‘ah* yang dikemukakan oleh sarjana di atas, kajian ini akan menggunakan konsep asas makna *maqāṣid al-syari‘ah* iaitu, menyentuh aspek *mafsadah* (kerosakan) dan aspek *maṣlaḥah* (kebaikan). Oleh itu, cabang kepada aspek *mafsadah*, aspek *maṣlaḥah* ialah aspek لاتيسيشنيات، لنتيسيات، سذللغافع فنخصه، aspek سذللغافع فنخصه dan aspek لاتيسيشنيات، لنتيسيات.



Perkataan „pentafsiran“ berasal daripada perkataan tafsir. Menurut Teuku Iskandar, tafsir bermaksud keterangan atau penjelasan mengenai maksud ayat Quran.⁶⁰ Perkataan „tafsir“ jika diteliti dalam bahasa Arab berasal daripada *fe’el mādī* empat huruf *fassara*.⁶¹ Secara etimologi, ia membawa maksud nyata dan jelas.⁶² Definisi tafsir dari sudut terminologi pula membawa erti sebagai satu ilmu yang membincangkan cara-cara menyebut lafaz-lafaz Quran, penunjuk bahasa, susunan ayat dan makna-maknanya.⁶³ Oleh itu, pentafsiran ialah

⁵⁷ Ismā‘il Muḥammad al-Sa‘id, *Maqāṣid al-Syari‘ah ,ind al-Imām al-Ghazālī*, 41.

⁵⁸ Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Muṣṭafā min ,Ilm al-Uṣūl*, 217.

⁵⁹ Lihat perbincangan ini pada muka surat 19 dalam tesis ini.

⁶⁰ Teuku Iskandar et al., *Kamus Dewan*, 1340.

⁶¹ Ahmad Mukhtār ,Umar et al., *al-Mujam al-,Arabi al-Asāsi*, 934.

⁶² Al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Asfiḥānī, *al-Mufradāt fī Ghārib al-Qur’ān*, 395.

⁶³ Abū Ḥiyyān Muḥammad bin Yūsuf al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīth fī al-Tafsīr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), j. 1, 26.





bermaksud perihal mentafsirkan ayat-ayat Quran⁶⁴ dan kajian ini akan merujuk makna tersebut.

Perkataan „ayat“ merupakan terjemahan daripada perkataan (آیٰ). Dari sudut etimologi ia mempunyai pelbagai maksud. Menurut Ibn Manzūr, perkataan *āyah* (آیٰ) secara etimologi mempunyai lima maksud, iaitu tanda, mukjizat, pengajaran, perkara ajaib dan kumpulan.⁶⁵ Secara terminologi al-Zarqānī dan al-Zarkasyī memberi definisi ayat sebagai kumpulan huruf yang mempunyai tempat terbit dan tempat terhenti yang terdapat dalam Quran.⁶⁶ Jika dicantumkan makna *āyah* (آیٰ) secara etimologi dan terminologi ia sesuai digunakan sebagai ayat al-Qur'ān al-Karīm kerana kedua-dua definisi telah melengkapi penggunaannya dalam Quran. Oleh itu, penggunaan ayat-ayat Quran akan merujuk isi kandungan Quran yang terkumpul dalamnya 6236 ayat bagi 114 surah.⁶⁷

Perkataan „hukum“ secara etimologi membawa makna hukuman, komitmen, pengetahuan dan kefahaman.⁶⁸ Secara terminologi pula hukum membawa erti sebagai firman Allah SWT yang ditujukan kepada *mukallaf* sama ada dalam bentuk kemestian atau pilihan atau penetapan.⁶⁹ Pentakrifan ini terkenal dalam kalangan para pengkaji hukum. Menurut Mohammad Amin Suma, definisi ini merupakan satu isyarat yang jelas untuk meletakkan firman

⁶⁴ Teuku Iskandar et al., *Kamus Dewan*, 1340.

⁶⁵ Di dalam Quran al-Karim perkataan (آیٰ) telah digunakan pada beberapa ayat yang memberikan makna tanda seperti terdapat pada ayat 348 surah al-Baqarah, makna mukjizat seperti terdapat pada ayat 211 surah al-Baqarah, dan makna perkara ajaib terdapat pada ayat 5 surah al-Mu'minun. Lihat Muhammad bin Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-,Arab*, j. 14, 61.

⁶⁶ Muhammad ,Abd al-,Azīm al-Zarqānī, *Manāhil al-,,Ufān fī,, Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Kutub al-,Arabi, t.t), j. 1, 274, Muhammad bin ,Abd Allāh al-Zarkasyī, *al-Burhān fī,, Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t), j. 1, 266.

⁶⁷ Jalāl al-Dīn ,Abd al-Rahmān al-Suyūtī, *al-Itqān fī,, Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1993), j. 1, 204, 210, Mannā, al-Qātān, *Mabāhith fī,, Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 146, Muhammad bin ,Abd Allāh al-Zarkasyī, *al-Burhān fī,, Ulūm al-Qur'ān*, j. 1, 249, Muhammad ,Abd al-,Azīm al-Zarqānī, *Manāhil al-,,Ufān fī,, Ulūm al-Qur'ān*, j. 1, 277, 278.

⁶⁸ Muhammad bin Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-,Arab*, j. 12, 141.

⁶⁹ Lihat Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, 23. Lihat juga ,Abd al-Wahāb Khalāf, *Usūl al-Fiqh*, 100.





Allah SWT mempunyai autoriti tertinggi dalam menetapkan sesuatu perkara. Menurutnya, definisi ini senada dengan ayat 50 surah al-Maidah, ayat 57 surah al-An‘am dan ayat 62 surah Yusuf.⁷⁰ Jika dicantumkan perkataan ayat dengan hukum menjadikan „ayat hukum“, secara terminologi membawa maksud ayat-ayat Quran yang berkaitan dengan hukum fiqah. Menurut „Alī Sulaymān al-„Ubayd, ayat-ayat hukum hanya berkaitan dengan hukum fiqah.⁷¹ Tegasnya, ayat-ayat hukum di dalam Quran membawa maksud ayat-ayat yang membicarakan hukum fiqah amali sama ada dalam bentuk kemestian atau pilihan atau penetapan.

Perkataan „jenayah“ secara etimologi membawa maksud perbuatan kejahanan yang salah di sisi undang-undang seperti mencuri, merompak, membunuh dan lain-lain.⁷² Perkataan *jināyah* جنیة dalam bahasa Arab ialah sinonim dengan perkataan *jarīmah* جرم. „Abd al-Qadir „Audah menjelaskan bahawa jenayah secara terminologi membawa maksud melakukan perbuatan yang diharamkan oleh syarak yang melibatkan kerosakan pada nyawa atau harta atau lain-lain.⁷³

„Abd al-Qadir „Audah membahagikan hukum jenayah dalam undang-undang syariah kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah kesalahan hudud seperti jenayah zina, *al-qadhab* (menuduh zina), *al-syurb*, *al-sariqah* (mencuri), *al-hirābah* (rompakan), *al-riddah* (murtad) dan *al-bagh* (penderhaka). Bahagian kedua merupakan jenayah *qiṣāṣ* seperti pembunuhan dan kecederaan ke atas

⁷⁰ Mohammad Amin Suma, *Pengantar Tafsir Ahkam* (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2011), 26-30.

⁷¹ „Alī Sulaymān al-„Ubayd, *Tafsīr Āyāt al-Ahkām wa Manzūhā* (Riyād: Dār al-Tadmuriyyah, 2010), 39. Lihat juga Muhammad Husayn al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* (Beirut: Dār al-Yūsuf, 2000), j. 2, 367-374.

⁷² Teuku Iskandar et al., *Kamus Dewan*, 531.

⁷³ „Abd al-Qadir „Audah, *Al-Tasyrī al-Jinā'i al-Islāmī* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), j. 1, 67.





anggota. Manakala bahagian ketiga ialah jenayah takzir.⁷⁴ Paizah Ismail, Muhammad Fathi Yusof, Mat Saad Abdul Rahman dan lain-lain sealiran dengan pandangan ,Abd al-Qadir ,Audah. Namun, penggunaan perkataan jenayah dalam kajian ini hanya merujuk bahagian pertama (jenayah hudud) dan kedua (jenayah *qisāṣ*). Hal ini disebabkan ayat-ayat jenayah yang dibincangkan dalam kajian ini merujuk ayat-ayat yang khusus mengenai bahagian pertama (jenayah hudud) dan kedua (jenayah *qisāṣ*) yang terdapat dalam Quran. Manakala jenayah yang berkaitan dengan hukum takzir tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Oleh itu, ayat-ayat yang berkaitan dengan jenayah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ayat-ayat mengenai arak, zina, *al-qadhaf* (menuduh zina), *al-syurb*, *al-sariqah* (mencuri), *al-hirābah* (rompakan), *al-riddah* (murtad), *al-bagħ* (penderhaka) dan *qisāṣ*.

Manakala „*Tafsir al-Azhar*“ merujuk sebuah karya tafsir Quran yang telah dihasilkan oleh HAMKA. *Tafsir al-Azhar* yang menjadi bahan kajian ini telah diterbitkan oleh Penerbit Pustaka Panjimas di Jakarta, Indonesia pada tahun 1982. Karya ini mempunyai sembilan jilid dengan memuatkan 30 juzuk isi kandungan Quran. Jilid pertama, jilid kedua, jilid ketiga, jilid keempat, jilid ketujuh dan jilid kesembilan mempunyai 3 juzuk isi kandungan Quran yang ditafsirkan oleh HAMKA. Manakala jilid kelima, jilid keenam dan jilid kelapan mengandungi 4 juzuk isi kandungan Quran yang ditafsirkan oleh HAMKA.

⁷⁴ *Ibid.*, 79.





Menerusi huraiān terhadap definisi tajuk kajian yang dinyatakan oleh pengkaji akan memberi penjelasan terhadap kajian ini. Huraian yang akan dikupas oleh pengkaji akan menjurus perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk dan konsep-konsep tersebut. Tegasnya, kajian ini akan menumpukan definisi dan konsep yang terdapat pada tajuk kajian, iaitu „Aplikasi *Maqāṣid Syarī‘ah* Terhadap Pentafsiran Ayat-ayat Hukum Jenayah dalam *Tafsir Al-Azhar* Karangan HAMKA“.

1.9 Kajian Lepas (*Literature Review*)

Kajian lepas ini akan difokuskan kepada tiga tema utama, iaitu berkaitan kajian

terhadap *maqāṣid al-syarī‘ah*, kajian terhadap ayat-ayat hukum dan kajian terhadap *Tafsir al-Azhar*. Berikut ialah tema-tema tersebut:

1.9.1 Kajian Terhadap *Maqāṣid al-Syarī‘ah*

Kajian mengenai *maqāṣid al-syarī‘ah* di Malaysia telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang pengajian syariah, ekonomi Islam, pengurusan Islam, kemasyarakatan dan pemikiran Islam. Setakat kajian ini dijalankan, terdapat kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Antaranya ialah kajian mengenai ekonomi Islam dan kaitannya dengan *maqāṣid al-syarī‘ah* ialah kajian yang dilakukan oleh Qāsim Ḥuzaifah





Bullo,⁷⁵ Afif Zuhri Muhammad Khodri Harahap,⁷⁶ Bazisy Amal,⁷⁷ Che Ismail bin Che Othaman⁷⁸ dan Nordiana binti Jamry.⁷⁹ Secara asasnya tujuan kajian tersebut ialah untuk mengenal pasti *maqāṣid al-syari‘ah* yang terdapat dalam pengurusan kewangan. Kajian-kajian tersebut menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

Terdapat kajian mengenai *maqāṣid al-syari‘ah* dan kaitannya dengan kemasyarakatan seperti kajian Faridah Zozo,⁸⁰ Mat Isa bin Deraman,⁸¹ Sazelin Arif⁸² dan lain-lain. Secara asasnya tujuan kajian tersebut untuk mengenalpasti *maqāṣid al-syari‘ah* yang boleh diterapkan dalam masyarakat bagi mewujudkan suasana yang harmoni. Kajian-kajian tersebut tertumpu pada kajian perpustakaan. Manakala kajian mengenai penentuan hukum, ijтиhad dan undang-undang berdasarkan *maqāṣid al-syari‘ah* telah dijalankan oleh Ridwan Ahmad,⁸³ Ghāliyah Buhadah,⁸⁴ Al-Ṭayyib ,Abd al-Rāzaq,⁸⁵ „Abd al-Salām Isma‘īl Unangan⁸⁶ dan lain-lain. Secara jelas juga kajian-kajian tersebut telah

⁷⁵ Lihat Qāsim Ḥuzaifah Bollu, “Athār Maqāṣid al-Syari‘ah wa Ma‘ālat al-Afāl fī ‘Amal al-Maṣrīfī (Dirāsah Uṣūliyyah Taṭbiqiyah)” (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009).

⁷⁶ Lihat Afif Zuhri Muhammad Khodri Harahap, “The Relationship Between Information Technology (IT) Capability And Performance Of Islamic Banking Branches In Kedah The Perspective Of Maqasid al-Shariah” (Disertasi Sarjana, Othman Yeop Abdullah Graduate School Of Business, Universiti Utara Malaysia, t.t).

⁷⁷ Lihat Bazisy Amal, “Al-Wāsīl al-Mutabaqat fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah li Taḥqīq Maqāṣid al-Syari‘ah: al-Bank al-Islāmī al-Mālīzī al-Mahdūd (CIMB) Namuzajan” (Disetasi Sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013).

⁷⁸ Lihat Che Ismail bin Che Othaman, “Pemakaian Maqasid al-Shari‘ah Dalam Produk Takaful Keluarga Di Etiqa Takaful Berhad” (Disetasi Sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).

⁷⁹ Lihat Nordiana binti Jamry, “Costumer Perception Towards Islamic Banking In Fulfilling Maqasid Shariah” (Disertasi Sarjana, Othman Yeop Abdullah Graduate School Of Business, Universiti Utara Malaysia, 2015).

⁸⁰ Lihat Faridah Zozo, “al-Nasl Dirāsah Maqāṣidiyyah fī Wasā’īl Hifzihī fī Dawī Taḥaddīyyah al-Wāqi,j al-Mu,āsir” (Tesis PhD, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2002).

⁸¹ Lihat Mat Isa bin Deraman, “Musyarakah al-Muslimin li Ghairihim fi Munasabatim al-Diniyyah: Dirāsah Fiqhīyyah fī Dawī Maqasid al-Syari‘ah” (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008).

⁸² Lihat Sazelin Arif, “Konsep Halalan Tayyiban Dari Perspektif *Maqāṣid Syari‘ah* Dan Aplikasinya Dalam Proseder Penentuan Makanan Halal Di Malaysia” (Tesis PhD, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

⁸³ Lihat Ridwan Ahmad, “Standard *Maṣlahah* Dan *Mafsadah* Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia” (Tesis PhD, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

⁸⁴ Lihat Ghāliyah Buhadah, “Al-Ta’sīl al-Maqāṣidi li al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā Dirāsah li Bayān Anna al-Adillah al-Mukhtalaf fīhā Qawā,īd Taṭbiqiyah li Maqāṣid al-Syari‘ah” (Tesis PhD, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2000).

⁸⁵ Lihat Al-Tayyib ,Abd al-Rāzaq al-Naqr ,Abd al-Karīm, “Qā,jidah “Dar al-Ḥudūd bi al-Syubhāt”: Dirāsah Maqāṣidiyyah” (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009).

⁸⁶ Lihat ,Abd al-Salam Isma‘īl Unangan, “Dawr al-Maqāṣid fī Dar al-Ta’āruḍ fī al-Fikr al-Uṣūlī” (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2001).





menggunakan pendekatan kajian perpustakaan bermatlamat untuk mencari penyelesaian hukum semasa berdasarkan *maqāṣid al-syārī‘ah*.

Terdapat juga kajian secara khusus dijalankan oleh pengkaji mengenai dengan pemikiran *maqāṣid al-syārī‘ah* sarjana klasik. Hal ini boleh dibuktikan menerusi kajian Basyir Mawlud Juhaisy,⁸⁷ Hasbullah Mat Daud,⁸⁸ Umm al-Nā‘il Burkāni⁸⁹ dan lain-lain. Kajian tersebut menggunakan pendekatan kajian perpustakaan untuk mengetahui pemikiran tokoh ulama klasik yang pakar dalam bidang *maqāṣid al-syārī‘ah*. Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa *maqāṣid al-syārī‘ah* perlu diteliti secara mendalam sehingga seseorang itu boleh dianggap sebagai pakar bidang.



Kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji tersebut membuktikan bahawa *maqāṣid al-syārī‘ah* telah dikaji secara akademik. Selain itu, terdapat pelbagai artikel yang diterbitkan dalam jurnal akademik⁹⁰ dan terdapat juga beberapa seminar⁹¹ yang telah dianjurkan oleh pihak universiti bagi membincangkan *maqāṣid al-syārī‘ah*. Kajian-kajian ini banyak tertumpu

⁸⁷ Lihat Basyir Mawlud Juhaisy, “Hifz al-Mäl: Masālikuhu wa Maqāṣiduhu „Ind al-Imām Muḥammad al-Tāhir Ibn ,Asyur” (Tesis PhD, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2002).

⁸⁸ Lihat Hasbullah Mat Daud, “Teori *Maqāṣid Syārī‘ah*: Kajian Perbandingan Antara Pemikiran al-Syatibi Dan Izzuddin Abd Salam” (Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

⁸⁹ Lihat Umm Wa’il Burkani, “Al-Ijtihād al-Maqāṣidi „Ind al-,Izz bin ,Abd al-Salām” (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1999).

⁹⁰ Terdapat pelbagai artikel yang dituliskan oleh sarjana Islam seperti mengenai *maqāṣid al-syārī‘ah* sebagai kaedah penyelesaian kepada ta’arud nas syarak, *maqāṣid al-syārī‘ah* dan kaitannya dengan pengurusan kewangan dan perbankkan Islam, *maqāṣid al-syārī‘ah* dalam sejarah perkembangan berakitan dengan idea al-Ghazali, *maqāṣid al-syārī‘ah* dan kaitannya dengan penawaran produk takaful dan *maqāṣid al-syārī‘ah* dan kaitannya dengan ekonomi Islam (sukuk). Lihat Paizah Ismail, “Penyelesaian Masalah Pertentangan Antara Nas Berasaskan Prinsip Maqāṣid al-Syārī‘ah”, Jurnal Fiqh, No. 11 (2014), Mustafa Omar Mohammad dan Syahidawati Shahwan, “The Objective of Islamic Economic and Islamic Banking in Light of Maqasid al-Shariyah: A Critical Review”, Middle-East Journal of Scientific Research 13 (2013), Hayatullah Laluddin et al., “An Analysis of Maslahah’s Development Through al-Ghazali Pre and Post al-Ghazali Periods”, International Business Management 6 (2) (2012), Norhanani Ahmad et al., “Maqāṣid al-Syārī‘ah Dalam Penawaran Produk Takaful Wanita: Kajian Di Pengendalian Takaful Terpilih”, Jurnal Syariah Vol. 25, No. 1 (2017) dan Muhammad Ridhwan Abdul Aziz dan Mohd Shahid Mohd Noh, “Tools of Usul al-Fiqh in Realizing Maqāṣid al-Shariyah in Sukuk Structures in Malaysia: An Initial Analysis”, International Journal of Education and Research Vol. 1 No. 10 (2013).

⁹¹ Terdapat pelbagai seminar membincangkan *maqāṣid al-syārī‘ah* seperti seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 yang dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Seminar Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa 2013 yang dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Seminar Antarabangsa *Maqāṣid al-Syārī‘ah* Dan Perlaksanaannya Era Moden yang dianjurkan oleh Universiti Yarmuk dan Universiti Sains dan Pendidikan Antarabangsa 2013 dan lain-lain.





kepada bidang pengajian syariah, ekonomi Islam, pengurusan Islam, kemasyarakatan dan pemikiran Islam. Oleh itu, ruang yang masih belum diisi oleh kajian tersebut ialah pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum. Walaupun begitu, kajian-kajian tersebut telah membantu pengkaji mendapat maklumat mengenai aspek-aspek metodologi, objektif, bahan-bahan rujukan dan sebagainya.

1.9.2 Kajian Terhadap Ayat-ayat Hukum

Setakat kajian ini berjalan, kajian yang berkaitan dengan ayat-ayat hukum telah dilakukan oleh beberapa pengkaji. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dijalankan oleh „Afif Nu‘mān, Mahyuddin Daud, Nurdin Nadzrah Ahmad, Adam Syamīm Ibrāhim, Ādil Sulaymān Aḥmad Dahwī dan lain-lain. „Afif Nu‘mān membuat kajian mengenai ayat-ayat hukum dalam karya yang dihasilkan oleh *mufassir* di negara Yaman.⁹² Tujuan kajian ini ialah untuk membuat perbandingan antara *Tafsīr al-Thamarāt al-Yāni‘ah* dan *Tafsīr Taysīr al-Bayān* terhadap aliran mazhab Zaydiyah dan Syafi‘iyah di Yaman. Oleh itu, „Afif Nu‘mān membawa isu ṭahārah, isu solat, isu puasa, isu zakat, isu nikah dan isu hudud. Kajian yang dijalankan oleh Mahyuddin Daud pula ialah untuk mengenal pasti metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum yang diaplikasikan oleh Wahbah al-Zuhayli menerusi karyanya *Tafsir al-Munir*.⁹³ Kajian ini lebih memfokuskan metode *tafsīr bī al-ma‘thūr*. Oleh itu, Mahyuddin Daud telah

⁹² Lihat ‘Afif Nu‘man, “Āyāt al-Aḥkām fī Tafsīr al-Yamaniyah: Dirāsah Muqāranah bayna Tafsīr al-Thamarāt al-Yāni‘ah li al-‘Allāmah Yūsuf al-Thulāthī wa Tafsīr al-Bayān li al-‘Allāmah Muḥammad ibn ‘Alī al-Mura‘ī” (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013).

⁹³ Lihat Mahyuddin Daud, “Metodologi Pentafsiran Ayat al-Ahkam Dalam Tafsir al-Munir Karangan Wahbah al-Zuhayli” (Disertasi Sarjana, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).





menganalisis isu-isu tertentu yang berkaitan dengan ibadah, *muamalah*, *munakahah*, jenayah dan halal haram.

Nurdin pula membuat kajian metodologi *tafsīr bi al-ma'thūr* dalam pentafsiran ayat-ayat hukum dalam kalangan *mufassir* Indonesia.⁹⁴ Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti metodologi *tafsīr bi al-ma'thūr* yang diapkasikan oleh HAMKA dan T.M Hasbi al-Sidqiey. Oleh itu, Nurdin telah mengambil tiga buah karya tafsir sebagai sampel kajian iaitu *Tafsir al-Misbah*, *Tafsir al-Nur* dan *Tafsir al-Azhar*. Aspek-aspek yang diteliti oleh Nurdin ialah aspek yang berkaitan dengan ayat-ayat ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah. Hasil kajian ini mendapati bahawa *mufassir* Indonesia telah mengaplikasikan metodologi *tafsīr bi al-ma'thūr* dalam pentafsiran ayat-ayat hukum secara sederhana.



Adam Syamīm Ibrāhim membuat kajian mengenai ayat-ayat kisah yang terdapat dalam Quran.⁹⁵ Tujuan kajiannya ialah untuk mengenal pasti suatu kaedah bagi mengistinbatkan hukum terhadap ayat-ayat kisah yang terdapat dalam Quran. Hasil kajiannya mendapati bahawa sebahagian ayat-ayat kisah boleh diistinbatkan hukum berdasarkan kaedah “*syar, un man qablanā*”. Manakala kajian Ādil Sulaymān pula membuat kajian bertujuan untuk mengenal pasti ayat-ayat hukum yang terdapat dalam karya *al-Majmu,,* karangan al-Nawawi.⁹⁶ Kajian tersebut menumpukan kepada ayat-ayat hukum yang terdapat

⁹⁴ Lihat Nurdin, “Aplikasi Metode *Tafsīr bi al-Ma'thūr* Dan Pengaruhnya Terhadap Karya-Karya Tafsir Di Indonesia: Kajian Tentang Ayat-Ayat Hukum” (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

⁹⁵ Lihat Adam Syamīm Ibrāhim, “Istinbāt al-Āhkām min al-Qisas al-Qur'añi: Tatbiqāt Mu,āṣirah” (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009).

⁹⁶ Lihat Ādil Sulaymān Ahmad Dahwī, “Āyat al-Āhkām fī al-Majmū,, li al-Nawawi min Sūrah al-Fātiḥah ilā Nihāyah Sūrah al-Nisā“Dirāsah Muqāranah” (Disertasi Sarjana, Fakulti Dakwah Dan Usuluddin, Universiti Umm al-Qura, 2015).





dalam surah al-Fatiyah, surah al-Baqarah, surah Ali „Imran dan surah al-Nisa“. Hasil kajian mendapati bahawa pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum mempunyai peranan bagi menjelaskan hukum fiqah.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tersebut menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Hasil daripada kajian-kajian mereka, pengkaji mendapati bahawa pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum mempunyai peranan bagi menjelaskan hukum fiqah. Kajian tersebut telah membantu pengkaji mendapat maklumat mengenai metodologi, objektif, bahan-bahan rujukan dan sebagainya. Menerusi penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian khusus mengenai pengaplikasian *maqāṣid al-syarī‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum secara am atau ayat-ayat hukum jenayah secara khusus masih kosong



1.9.3 Kajian Terhadap *Tafsir al-Azhar*

Karya *Tafsir al-Azhar* sudah dikaji oleh pengkaji-pengkaji di pelbagai peringkat. Menerusi pengamatan pengkaji, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh sarjana pengajian Islam mengenai *Tafsir al-Azhar*. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dijalankan oleh Abd Raof, Syamruddin Nasution, Abd Manan Syaffi'i, M. Areif Halim, Imron Baehaqi, Muhammad Yusri Affandy bin Mat Isa dan lain-lain.





Kajian yang dilakukan oleh Abd Raof ialah mengenai pemikiran tasawuf HAMKA dalam karya *Tafsir al-Azhar*.⁹⁷ Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dimensi tasawuf seperti *maqāmat*, *zuhud*, *qanā'ah tawakkal*, *ma'rifah*, *mahabbah*, *sabar*, *ridha*, *al-sa'ādah*, *irādah* dan *wahdah al-syuhūd* yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar*. Hasil kajian ini mendapati bahawa HAMKA mengaplikasikan aspek hikmah-hikmah yang berkaitan dengan ilmu akhlak bagi tujuan pendidikan jiwa manusia ketika mentafsir ayat-ayat ibadah seperti ayat solat, puasa, zakat dan haji.

Terdapat dua kajian perbandingan antara HAMKA dan Quraish Shihab, iaitu Syamruddin Nasution dan Abd Manan Syafi'i. Syamruddin Nasution membuat kajian mengenai pernikahan antara agama dalam Quran.⁹⁸ Abd Manan

Syafi'i pula membuat kajian mengenai persoalan islah wanita di Indonesia.⁹⁹

Kajian tersebut ialah kajian komparatif antara *Tafsir al-Azhar* dengan *Tafsir al-Misbah* dan *Tafsir al-Nur* dengan menggunakan kajian perpustakaan. Kajian ini menumpukan tafsir tematik yang membahaskan persoalan perkahwinan berlainan agama dan islah wanita Indonesia. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran HAMKA sealiran dengan Quraish Shihab mengenai perkahwinan yang berlainan agama dan islah wanita Indonesia.

Secara khusus, pengkaji meneliti hasil kajian Syamruddin Nasution mendapati bahawa HAMKA telah mengaplikasikan *maqāṣid al-syārī'ah* terhadap

⁹⁷ Lihat Abd Rouf, "Dimensi Tasawuf Karya Hamka: Analisis Terhadap *Tafsir al-Azhar*" (Tesis PhD, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

⁹⁸ Lihat Syamruddin Nasution , "Pernikahan Antara Agama Dalam al-Qur'an: Kajian Perbandingan Antara *Tafsir al-Azhar* Dan *Tafsir al-Misbah*" (Tesis PhD, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

⁹⁹ Lihat Abd Manan Syafi'i, "Islah Wanita di Indonesia: Kajian Perbandingan Antara *Tafsir al-Azhar* Dan *Tafsir al-Misbah*" (Tesis PhD, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).





pentafsiran ayat-ayat hukum nikah dengan menyentuh aspek kasih sayang, memelihara generasi yang soleh, aktiviti seksual yang halal, menjaga kehormatan keluarga dan pernikahan ialah ibadah. Manakala kajian Abd manan Syaffi'i tidak menyentuh aspek aplikasi *maqāṣid al-syārī'ah*.

Terdapat beberapa kajian terhadap juzuk-juzuk tertentu *Tafsir al-Azhar*. Antara kajian tersebut ialah kajian M. Areif Halim, Imron Baehaqi dan Muhammad Yusri Afanddy bin Mat Isa. Kajian M. Areif Halim mengenai hadith yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar*. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti status hadith yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar*. Kajian ini hanya menumpukan kepada empat juzuk. Hasil kajian mendapati HAMKA tidak mengambil hadith daripada sumber asal karya-karya hadith muktabar.



Kajian Imron Baehaqi pula mengenai perumpamaan Melayu yang diaplikasikan oleh HAMKA terhadap *Tafsir al-Azhar* pada juzuk 27.¹⁰⁰ Hasil kajian ini mendapati bahawa HAMKA telah mengaplikasikan perumpamaan Melayu sebanyak 79 perumpamaan, iaitu 30 perumpamaan metáfora dan 49 perumpamaan simile. Perumpamaan tersebut meliputi isu-isu akidah dan akhlak seperti beriman kepada Allah, kiamat, ajal, bersyukur, sabar, muhasabah dan sebagainya.

¹⁰⁰ Lihat Imron Baehaqi, "Perumpamaan Melayu: Kajian Kepada Penggunaannya Oleh Hamka Dalam Tafsir Juzuk 27" (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).





Manakala Muhammad Yusri Affandy bin Mat Isa membuat kajian berkaitan pendekatan HAMKA mentafsirkan perkataan takwa.¹⁰¹ Tujuan kajian tersebut untuk mengenalpasti metodologi yang digunakan oleh HAMKA ketika mentafsirkan perkataan takwa dalam surah al-Baqarah. Hasil kajian ini mendapati bahawa HAMKA telah menggunakan metodologi *tafsir bi al-ra'y* bagi menjelaskan maksud takwa.

Menerusi penelitian ini, kajian terhadap *Tafsir al-Azhar* telah menyentuh pelbagai aspek penting dalam pengajian tafsir dan secara khusus kajian yang dijalankan oleh Abd Raof dan Syamrudin Nasution ada menyentuh aspek *maqāṣid al-syārī'ah* berkaitan ayat-ayat nikah dan ayat-ayat ibadah mengikut dimensi tasawuf dan islah wanita Indonesia. Oleh itu, masih terdapat ruang kosong bagi pengkaji untuk meneliti bentuk pengaplikasian *maqāṣid al-syārī'ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*.

Menerusi penelitian terhadap kajian-kajian lepas mengenai *maqāṣid al-syārī'ah*, ayat-ayat hukum dan *Tafsir al-Azhar* pengkaji mendapati bahawa tiada kajian khusus mengenai aplikasi *maqāṣid al-syārī'ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*. Walaupun begitu, terdapat kajian lain mengenai aspek *maqāṣid al-syārī'ah* dan kaitannya dengan tafsir Quran. Kajian tersebut ialah kajian yang dilaksanakan oleh Nashwān „Abduh, Tazul Islam dan Ra'ūy Ṭalāl Mahjub untuk meneroka terhadap kaedah pentafsiran ayat-ayat Quran berdasarkan *maqāṣid al-syārī'ah*. Nashwān telah membuat kajian

¹⁰¹ Lihat Muhammad Yusri Affandy, "Metodologi HAMKA Dalam Pentafsiran al-Quran: Tumpuan Khusus Pada Ayat-Ayat Yang Mengandungi Kalimah Pengertian Takwa Di Dalam Surah al-Baqarah, *Tafsir al-Azhar*" (Disertasi Sarjana, Othman Yeop Abdullah Graduate School Of Business, Universiti Utara Malaysia, 2012).





pada peringkat Sarjana¹⁰² dan Doktor Falsafah¹⁰³, manakala Ra'y membuat kajian pada peringkat Sarjana.¹⁰⁴ Nashwan menjadikan karya tafsir *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* sebagai sampel kajian dan Ra'y mengambil surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah sebagai sampel kajian.¹⁰⁵ Hasil kajian tersebut mendapati bahawa *mufassir* perlu meneroka ke arah menggunakan kaedah tafsir berdasarkan *maqāṣid al-syarī'ah*.

Kajian yang dijalankan oleh Tazul Islam pula menjurus kepada penerokaan terhadap kaedah pentafsiran *maqāṣid al-Qur'ān* secara am.¹⁰⁶ Kajian ini telah meneroka metode *maqāṣid al-Qur'ān* yang diaplikasi oleh *mufassir* seperti Rasyid Ridā, Ibn „Asyūr dan Sa'īd al-Nursī. Hasil kajian ini mendapati bahawa kaedah pentafsiran berasaskan *maqāṣid al-Qur'ān* wajar diberi perhatian oleh *mufassir* sebagai kaedah mentafsirkan ayat-ayat Quran. Kajian-kajian ini telah meletak suatu kaedah asas untuk mentafsirkan ayat-ayat Quran berdasarkan *maqāṣid al-syarī'ah* dan *maqāṣid al-Qur'ān*. Namun, penemuan tersebut masih perlu diterokai lagi bagi menghasilkan suatu metodologi yang kukuh untuk mentafsirkan ayat-ayat Quran berdasarkan *maqāṣid al-syarī'ah* dan *maqāṣid al-Qur'ān*. Hal ini disebabkan kajian tersebut masih bersifat umum.

¹⁰² Lihat Nashwān 'Abduh, "Ma'alim al-Tafsīr al-Maqāṣidi li al-Qur'ān al-Karīm (Āyat al-Khamr Namūzajan)" (Disertasi Sarjana, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2010).

¹⁰³ Lihat Nashwan 'Abduh, "Usus al-Tafsīr al-Maqāṣidi li al-Qur'ān al-Karīm wa Taqbituh 'Alā al-Kulliyāt al-Khams fi Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr li Tāhir Ibn 'Asyūr" (Tesis PhD, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012).

¹⁰⁴ Lihat Ra'y Talāl Mahjūb, "al-Maqāṣid al-Syarīyah fī al-Qur'ān al-Karīm wa Istibnāt ma Warada minhā fī Sūratī al-Fātiḥah wa al-Baqarah" (Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Universiti Umm al-Qura, t.t).

¹⁰⁵ Lihat Ra'y Talāl Mahjūb, "al-Maqāṣid al-Syarīyah fī al-Qur'ān al-Karīm wa Istibnāt ma Warada minhā fī Sūratī al-Fātiḥah wa al-Baqarah" (Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah, Universiti Umm al-Qura, t.t).

¹⁰⁶ Lihat Tazul Islam, "Maqāṣid al-Qur'ān: An Analytical Study of Some Contemporary Muslim Scholars View" (Tesis PhD, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012).





Kesimpulannya, menerusi perbincangan di atas, hasilnya pengkaji dapat ringkaskan saeperti berikut:

- i. Kajian yang lepas tidak menjelaskan hubungan yang erat antara *maqāṣid al-syari‘ah* dengan ayat-ayat hukum secara sempurna sehingga boleh dijadikan *maqāṣid al-syari‘ah* diaplikasi terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum.
- ii. Kajian yang lepas tidak menjelaskan cara mengenal pasti ayat-ayat hukum dengan mudah sehingga memboleh ia menjadi suatu kaedah yang relevan dan praktikal untuk mencari dan mengumpul ayat-ayat hukum.
- iii. Kajian yang lepas tidak menjelaskan sumbangan HAMKA terhadap *maqāṣid al-syari‘ah* dan tiada kajian secara khusus mengenai pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*.

Sehubungan dengan itu, ada kewajaran kajian ilmiah ini dilakukan oleh pengkaji bagi memenuhi ruang kosong yang ditinggalkan oleh para sarjana tersebut.





1.10 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Analisis kandungan merupakan prosedur yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data-data kajian dan menganalisis data-data tersebut. Metodologi kajian ini akan diperincikan seperti yang berikut:-

1.10.1 Metode Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan beberapa prosedur untuk mengumpul data-data kajian dengan merujuk dokumen-dokumen primer dan sekunder seperti kitab-kitab, buku-buku, tesis, disertasi, artikel, kertas kerja, laporan akhbar di media massa dan sebagainya menerusi pelbagai peringkat. Pada peringkat pertama pengkaji akan meneliti senarai bahan bacaan yang mempunyai hubungan dengan tajuk kajian. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan Internet menerusi aplikasi carian google, perisian *Maktabah al-Syāmilah* (الكتابي) dan perpustakaan digital seperti *al-Mausū'ah al-'Āmmah* (الموسوعة الامامية) ¹⁰⁷ dan sebagainya untuk mendapat maklumat awal mengenai bahan-bahan kajian.

Setelah itu pengkaji akan memuat turun sebahagian daripada bahan-bahan ilmiah tersebut untuk diteliti oleh pengkaji. Manakala sebahagian lagi maklumat pengkaji akan mendapatkannya di perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti

¹⁰⁷ Kitab-kitab turath Kitab-kitab turath yang terdapat dalam vcd-vcd ini melebihi 2,000 buah kitab dalam pelbagai disiplin ilmu. Kesemua kitab tersebut telah di'scan" dan disimpan dalam fail PDF. Pengkaji telah membeli vcd-vcd tersebut daripada Syarikat FAZA Publications.





Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Perpustakaan Pusat Islam, Perpustakaan Masjid Negeri Perak, Perpustakaan, kedai-kedai buku dan pameran buku.

Pada peringkat kedua pengkaji akan membaca bahan-bahan kajian dengan meneliti data-data utama untuk membuat perbandingan bagi mengesahkan data-data tersebut. Setelah memperoleh data-data tersebut yang sesuai dengan kajian ini, pengkaji akan menulis pada kertas, kemudian mengumpulkannya ke dalam fail yang telah dibahagikan kepada bab-bab kajian. Pada peringkat ketiga, pengkaji akan menaipkan data-data yang telah dikumpulkan ke dalam fail khas kajian mengikut bab-bab kajian ini. Manakala pada peringkat keempat, pengkaji akan memurnikan isi kandungan kajian secara keseluruhan sebelum dijadikan tesis untuk diserahkan kepada pihak universiti.

Kebiasaannya, setiap data yang terkumpul pengkaji akan meminta pandangan daripada penyelia untuk membuat komentar terhadap data-data tersebut khususnya terhadap data-data yang melibatkan tema dalam sesuatu bab kajian.





1.10.2 Metode Analisis Data

Data-data yang telah dikumpul oleh pengkaji akan disusun mengikut tema meliputi bab kedua, bab ketiga, bab keempat dan bab kelima. Pengkaji memilih metode induktif atau deduktif atau komparatif sebagai prosedur menganalisis data-data tersebut. Oleh itu, terdapat pada tema-tema tertentu sama ada dalam perenggan setiap bab atau dalam setiap bab secara keseluruhan akan dianalisis oleh pengkaji mengikut prosedur tersebut.

Data-data yang terdapat dalam bab pertama ialah biografi HAMKA dan *Tafsir al-Azhar*. Oleh itu, pengkaji menganalisis data-data yang terkumpul berkaitan dengan biografi HAMKA menerusi pelbagai sumber seperti karya

Ayahku, *Kenangan-Kenangan*, *Hidup HAMKA*, *Pujangga Islam*, *HAMKA Pendekar Terbilang*, *Pemikiran HAMKA, Islam And The Malay – Indonesia World*, *Falsafah Hidup*, *Falsafah Ketuhanan* dan sebagainya. Manakala data-data yang terkumpul berkaitan dengan *Tafsir al-Azhar* pula ialah *Tafsir al-Azhar*, *Tafsir al-Azhar: Dimensi Tasawuf Hamka*, *Pengenalan Tokoh-Tokoh Dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*, *Al-Durr al-Manthūr fī Tafsīr al-Qur'ān bi al-Ma'iħūr*, *Fath al-Qadīr Jāmi'*" bayna Fannai al-Riwayah wa Dirayah min 'Ilm al-Tafsīr, *Tafsīr al-Marāghī*, *Tafsir Ayat al-Ahkam* dan sebagainya. Pengkaji telah menganalisis data-data tersebut menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif pada tema dan perenggan tertentu dalam bab tersebut.

Data-data yang terdapat dalam bab ketiga ialah mengenai perkembangan *maqāsid al-syarī'iyyah* dan contoh pengaplikasiannya terhadap pentafsiran ayat-ayat





hukum dalam karya terpilih tafsir *āyāt al-ahkām*. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis data-data tersebut daripada pelbagai sumber seperti *al-Maqāṣid al-Āmmah li al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, *Maqāṣid al-Syari‘ah „Id Imām al-Haramayn*, *Maqāṣid al-Syari‘ah Nażariyāt al-Maqāṣid „ind al-Imām al-Syāṭibī*, *Maqāṣid al-Syari‘ah „ind Ibn Taymiyyah*, *Al-Mustasfā min ,Ilm al-Uṣūl*, *Maqāṣid al-Syari‘ah d-Islāmiyyah* dan sebagainya. Ekoran itu, akan wujud tema-tema yang berkaitan dengan definisi *maqāṣid al-syari‘ah*, *maqāṣid al-Qur’ān* dan hubungannya dengan *maqāṣid al-syari‘ah* dan kepentingan *maqāṣid syari‘ah* untuk memahami *naṣ*. Data-data yang terkumpul menerusi sumber ini membolehkan pengkaji menganalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif.

Menerusi bab ketiga ini juga, kajian ini akan merujuk sumber-umber lain



seperti *al-Itqān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, *Pengantar Tafsir Ahkam Al-Madkhali*, *Dirāsah Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*, *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām wa Manāhijuhā*, *Rawāī*, *al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān*, *Aḥkām al-Qur’ān* dan sebagainya. Ekoran itu, akan wujud beberapa tema mengenai ayat-ayat hukum dan contoh pengaplikasian *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum dalam karya tafsir ayat-ayat hukum. Data-data yang terkumpul menerusi sumber-sumber ini, akan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif.

Data-data yang terdapat dalam bab keempat ialah mengenai ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis data-data tersebut daripada sumber primer, iaitu Quran. Prosedur yang digunakan oleh pengkaji ialah prosedur yang berasaskan kajian tafsir tematik (*mauḍū‘i*).





Pada peringkat awal pengkaji akan memilih satu perkataan seperti لخّش untuk merujuk hukum jenayah meminum arak. Selepas itu, pengkaji akan merujuk karya indeks Quran seperti *al-Mu,,jam al-Mufahras li al-Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* dan *Mu,jam Mufradāt Alfaż al-Qur'ān* untuk mendapat kepastian kedudukan perkataan tersebut dalam ayat tertentu. Sekiranya pengkaji telah menemukan kedudukan ayat tersebut, penelitian akan dilakukan terhadap karya-karya tafsir seperti *Rawā,i al-Bayān Tafsīr Āyat al-Aḥkām min al-Qur'ān*, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur'ān* dan sebagainya serta karya-karya fiqah seperti *Al-Tasyrī‘ al-Jinā‘i al-Islāmī*, *Bidāyah al- Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* dan sebagainya untuk menentukan kedudukan ayat tersebut dengan hukum fiqah.

Kesukaran yang dihadapi oleh pengkaji ialah untuk mendapat sejumlah ayat yang berkaitan dengan hukum jenayah. Hal ini disebabkan tiada karya khas yang mengumpul jumlah ayat-ayat hukum jenayah. Pengkaji akan menganalisis setiap data-data yang berkaitan dengan ayat hukum jenayah dalam karya tafsir dan fiqah berdasarkan analisis induktif, deduktif dan komparatif. Pengkaji juga menganalisis latar belakang ayat-ayat tersebut daripada aspek bahasa, sebab penurunan dan *makiyyah* dan *madaniyyah* untuk mengetahui kedudukan ayat daripada aspek hukum dan pelaksanaannya. Oleh itu, pengkaji akan merujuk karya-karya utama Kamus Arab dan „Ulum al-Qur'ān seperti *Lisān al-,Arab*, *Al-Mu,jam al-Mufahras fī Alfaż al-Hadīh al-Nabawī*, *Al-Burhān fī „Uūm al-Qur'ān* dan *Asbāb al-Nuzūl*.

Data-data yang terdapat dalam bab kelima ialah mengenai aplikasi *maqāṣid al-syari‘ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir*





al-Azhar. Bilangan dan kedudukan ayat-ayat hukum jenayah ialah hasil kajian pada bab keempat dalam kajian ini. Oleh itu, dalam kajian ini ayat-ayat tersebut disusun oleh pengkaji mengikut tema seperti ayat hukum arak, ayat hukum zina, ayat hukum *qadhf* (menuduh berzina), ayat hukum *sariqah* (mencuri), ayat hukum *ḥirābah* (rompakan), ayat hukum murtad, ayat hukum *bughah* (penderhaka) dan ayat hukum *qiṣāṣ*. Sebelum menganalisis pengaplikasian *maqāṣid al-syārī,ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*, pengkaji akan menentukan kedudukan ayat-ayat hukum tersebut dalam *Tafsir al-Azhar* mengikut ayat, surah, juzuk dan jilid.

Setelah itu, pengkaji akan meneliti aspek *maqāṣid al-syārī,ah* yang diaplikasikan oleh HAMKA yang berfokus pada aspek *mafsadah*, aspek *maṣlaḥah*, aspek *fiqh* واسپک فیض و اسپک فیقح، aspek *lāzimiyāt* لازمیات و اسپک لازمیات، and aspek *lābihiyyāt* لابهیات و اسپک لابهیات. Pengkaji akan menganalisis data-data tersebut berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif. Aspek *maqāṣid al-syārī,ah* yang dianalisis dalam kajian ini telah diadaptasi daripada kajian Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimi, Muḥammad Sa‘ad Aḥmad al-Yūbī, Aḥmad al-Raysūnī and Samīḥ „Abd al-Wahāb al-Janadī.¹⁰⁸ Pemilihan konsep *maqāṣid al-syārī,ah* yang dikaji dan diperkenalkan oleh pengkaji tersebut adalah hasil kajian mereka dan ia bersifat semasa. Konsep tersebut sesuai bagi kajian terhadap kupasan ayat-ayat hukum yang terdapat dalam Quran.


¹⁰⁸ Lihat perbincangan ini pada bab 19 dan 23 dalam tesis ini.





Data-data yang telah dikumpul dan dianalisis oleh pengkaji dalam bab kedua akan menghasilkan jawapan terhadap persoalan kajian pertama dan menjelaskan objektif kajian pertama. Data-data dalam bab ketiga akan menghasilkan jawapan terhadap persoalan kajian kedua dan menjelaskan objektif kajian kedua. Data-data dalam bab keempat akan menghasilkan jawapan terhadap persoalan kajian ketiga dan menjelaskan objektif kajian ketiga. Adapun data-data dalam bab kelima akan menghasilkan jawapan terhadap persoalan kajian keempat dan menjelaskan objektif kajian keempat. Rumusan kajian terdapat dalam bab keenam kajian ini. Kerangka konsep metodologi kajian ini ialah seperti yang berikut:





Rajah 1.1 Kerangka Konsep Metodologi Kajian. Sumber: Adaptasi daripada Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī, Aḥmad al-Raysūnī, Muḥammad Sa,ad Aḥmad al-Yūbī dan Samīḥ “Abd al-Wahāb al-Janadī.



1.11 Sistematik Penulisan

Pengkaji membahagikan kajian ini kepada enam bab. Bab pertama ialah bab pendahuluan. Oleh itu, pengkaji akan memuatkan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian lepas (*literature review*), metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab kedua ialah mengenai pengenalan HAMKA dan metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum dalam *Tafsir al-Azhar*. Oleh itu, pengkaji akan memuatkan pendahuluan, biografi HAMKA, metodologi pentafsiran ayat-ayat hukum dalam *Tafsir al-Azhar* dan kesimpulan.



Bab ketiga ialah mengenai perkembangan *maqāṣid al-syārī, ah* dalam pentafsiran ayat-ayat hukum. Oleh itu, pengkaji akan memuatkan pendahuluan, definisi *maqāṣid al-syārī, ah*, *maqāṣid al-Qur'ān* dan hubungannya dengan *maqāṣid al-syārī, ah*, kepentingan *maqāṣid syārī, ah* untuk memahami nas, ayat-ayat hukum dan *maqāṣid al-syārī, ah*, *maqāṣid al-syārī, ah* dalam pentafsiran ayat-ayat hukum dalam karya tafsir dan kesimpulan.

Bab keempat ialah mengenai ayat-ayat hukum jenayah yang terdapat dalam Quran. Oleh itu, pengkaji akan memuatkan pendahuluan, ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum arak, ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum zina, ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum *qadhf* (menuduh berzina), ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum *sariqah* (mencuri), ayat-ayat yang berkaitan dengan





hukum *ḥirābah* (rompakan), ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum *bughah* (penderhaka), ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum *qisāṣ* dan kesimpulan.

Bab kelima ialah mengenai aplikasi *maqāṣid al-syari‘i, ah* terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum jenayah dalam *Tafsir al-Azhar*. Oleh itu, pengkaji akan memuatkan pendahuluan, *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum arak, *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum zina, *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum *qadhf* (menuduh berzina), *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum *sariqah* (mencuri), *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum *ḥirābah* (rompakan), *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum murtad, *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum *bughah* (penderhaka), *maqāṣid al-syari‘i, ah* dalam pentafsiran ayat hukum *qisāṣ* dan kesimpulan.



Manakala bab keenam ialah bab kesimpulan dan saranan. Oleh itu, pengkaji hanya memuatkan pendahuluan, kesimpulan dan saranan.

1.12 Kesimpulan

Bab pendahuluan ini merupakan gambaran awal mengenai kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji merasakan perkara asas perbincangan bab pendahuluan ini ialah mengenai persoalan kajian dan objektif kajian. Manakala metodologi kajian merupakan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji untuk





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
49

mendapat jawapan terhadap persoalan kajian dan memberi penjelasan terhadap objektif kajian. Oleh itu, bab pendahuluan akan menentukan hasil kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi